

PEKELILING INI PENTING DAN MEMERLUKAN PERHATIAN SEGERA ANDA.


Sekiranya anda ragu-ragu tentang tindakan yang perlu diambil, anda hendaklah meminta nasihat broker saham, pengurus bank, peguam cara, akauntan profesional atau lain-lain penasihat profesional anda dengan segera.

Sekiranya anda telah menjual atau memindah milik kesemua saham biasa anda yang bernilai RM1.00 dalam Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad ("SPK" atau "Syarikat") ("Saham-saham SPK"), anda hendaklah dengan serta merta menyerahkan Pekeliling ini kepada Pendaftar Saham (sebagaimana ditakrifkan dalam Pekeliling ini) untuk penghantaran selanjutnya kepada pembeli atau penerima pindahan.

Saham-saham Hak dan Saham-saham Bonus (sebagaimana ditakrifkan dalam Pekeliling ini) yang akan diterbitkan masing-masing selaras dengan Cadangan Terbitan Hak dan Cadangan Terbitan Bonus (sebagaimana ditakrifkan dalam Pekeliling ini) adalah TIDAK boleh dilepaskan kepada orang-orang selain daripada ahli-ahli sedia ada SPK dan tidak akan disebut harga atau diurus niaga di mana-mana pasaran saham mana-mana bursa saham. Sehubungan ini, sekiranya Cadangan Terbitan Hak diluluskan oleh pemegang-pemegang saham kami, Prospektus Ringkas tidak akan dikeluarkan dan didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti, Malaysia selaras dengan Seksyen 237 Akta Perkhidmatan Pasaran Modal, 2007.

Pekeliling ini tidak akan dihantar kepada pemegang-pemegang saham yang tidak mempunyai alamat berdaftar di Malaysia. Pemegang-pemegang saham yang mempunyai alamat berdaftar di luar Malaysia boleh memaklumkan Pendaftar Saham secara bertulis suatu alamat di Malaysia, yang akan dianggap sebagai alamat berdaftar bagi tujuan penerimaan Pekeliling ini.

Sekiranya berlaku apa-apa konflik atau percanggahan dalam maksud di antara versi Pekeliling ini dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai terdahulu.



SHARIKAT PERMODALAN KEBANGSAAN BERHAD

(No. Syarikat 4115-H)

(Diperbadankan di Malaysia di bawah Ordinan Syarikat, 1940 - 1946)

PEKELILING KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM

BERHUBUNG DENGAN

- (I) CADANGAN TERBITAN HAK BOLEH LEPAS SEBANYAK 82,778,643 SAHAM BARU SPK ("SAHAM-SAHAM HAK") PADA HARGA TERBITAN RM1.00 SETIAP SAHAM HAK BERASASKAN 1 SAHAM HAK BAGI SETIAP 1 SAHAM SPK SEDIA ADA YANG DIMEGANG PADA TARIKH KEBERHAKAN YANG AKAN DITENTUKAN KEMUDIAN ("CADANGAN TERBITAN HAK");
- (II) CADANGAN TERBITAN BONUS SEBANYAK 82,778,643 SAHAM BARU SPK ("SAHAM-SAHAM BONUS") UNTUK DIKREDITKAN SEBAGAI BERBAYAR PENUH BERASASKAN 1 SAHAM BONUS BAGI SETIAP 1 SAHAM HAK YANG DILANGGAN OLEH PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM SPK DAN/ATAU PENERIMA-PENERIMA PELEPASAN MEREKA SELARAS DENGAN CADANGAN TERBITAN HAK;
- (III) CADANGAN PENAMBAHAN DALAM MODAL SAHAM SPK YANG DIBENARKAN DARIPADA RM100,000,000 TERDIRI DARIPADA 100,000,000 SAHAM SPK KEPADA RM500,000,000 TERDIRI DARIPADA 500,000,000 SAHAM SPK; DAN
- (IV) CADANGAN PINDAAN KEPADA TATAURUSAN PERTUBUHAN SPK

DAN

NOTIS MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA

Penasihat

AFFIN INVESTMENT BANK

AFFIN INVESTMENT BANK BERHAD (9999-V)

(Perserta Organisasi Bursa Malaysia Securities Berhad)

Notis Mesyuarat Agung Luar Biasa ("EGM") SPK berhubung dengan cadangan di atas dilampirkan bersama dengan Borang Proksi dalam Pekeliling ini. Borang Proksi hendaklah dilengkapkan dan dikembalikan selaras dengan arahan-arahan dalam pekeliling ini dan hendaklah sampai ke Pejabat Berdaftar Syarikat kami di Tingkat 12, Menara Perak, No. 24, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur, pada atau sebelum hari Selasa, 25 Jun 2013 pada jam 11.15 pagi.

Tarikh dan masa EGM

: Hari Khamis, 27 Jun 2013 pada jam 11.15 pagi atau sebaik sahaja selepas penutupan atau penangguhan (mengikut keadaan) Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat kami yang ke-52 (yang akan diadakan di tempat yang sama dan pada hari yang sama pada jam 10.30 pagi) atau yang mana terkemudian

Tempat EGM

: Royal Selangor Golf Club, Jalan Kelab Golf, Off Jalan Tun Razak, 55000 Kuala Lumpur

Seseorang ahli Syarikat yang berhak untuk menghadiri dan mengundi pada mesyuarat EGM di atas boleh melantik seorang proksi yang semestinya ahli Syarikat kecuali di mana ahli adalah sebuah perbadanan, proksi yang dilantik oleh perbadanan tidak semestinya merupakan ahli Syarikat. Penyerahan borang proksi tidak akan menghalang anda daripada menghadiri dan mengundi secara sendiri pada EGM sekiranya anda selepas itu memutuskan untuk berbuat demikian.

DEFINISI

Melainkan di mana konteks memerlukan di sebaliknya, singkatan-singkatan berikut akan terpakai pada keseluruhan Pekeliling ini:-

AFFIN Investment	:	AFFIN Investment Bank Berhad (9999-V)
Akta	:	Akta Syarikat, 1965
Aku Janji GJSB	:	Aku janji secara bertulis yang tidak boleh batal daripada GJSB untuk melanggan sepenuhnya Saham Hak di bawah keberhakannya sendiri dan juga Saham Hak selebihnya yang tidak dilanggan oleh lain-lain Pemegang Saham yang Berhak Syarikat kami di bawah Cadangan Terbitan Hak
Cadangan	:	Cadangan Terbitan Hak, Cadangan Terbitan Bonus, Cadangan Penambahan Dalam Modal Saham yang Dibenarkan dan Cadangan Pindaan, secara kolektif
Cadangan Penambahan Dalam Modal Saham yang Dibenarkan	:	Cadangan penambahan dalam modal saham SPK yang dibenarkan daripada RM100,000,000 terdiri daripada 100,000,000 Saham SPK kepada RM500,000,000 terdiri daripada 500,000,000 Saham SPK
Cadangan Pindaan	:	Cadangan pindaan kepada Tataurusana Pertubuhan Syarikat kami
Cadangan Tawaran Pengambilalihan	:	Obligasi kontingen ke atas GJSB untuk melaksanakan tawaran pengambilalihan bagi Saham-saham SPK selebihnya yang belum lagi dimiliki oleh GJSB atau orang-orang yang bertindak bersama dengannya selaras dengan Bahagian III Seksyen 9 Kod, jika sekiranya Aku Janji GJSB mengakibatkan GJSB dan pihak-pihak yang bertindak bersama dengannya memegang lebih daripada 33% daripada saham-saham mengundi dalam SPK
Cadangan Terbitan Bonus	:	Cadangan terbitan bonus sebanyak 82,778,643 Saham Bonus yang akan dikreditkan sebagai berbayar penuh berdasarkan 1 Saham Bonus bagi setiap 1 Saham Hak yang dilanggan oleh Pemegang Saham yang Berhak dan/atau penerima-penerima pelepasan mereka
Cadangan Terbitan Hak	:	Cadangan terbitan hak boleh lepas sebanyak 82,778,643 Saham Hak pada harga terbitan RM1.00 setiap Saham Hak berdasarkan 1 Saham Hak bagi setiap 1 Saham SPK sedia ada yang dipegang pada Tarikh Keberhak dan boleh dilepaskan hanya memihak kepada ahli sedia ada SPK
CMSA	:	Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan, 2007
EGM	:	Mesyuarat Agung Luar Biasa
EPS	:	Perolehan setiap Saham
ETP	:	Program Transformasi Ekonomi
FPE	:	Tempoh kewangan berakhir
FYE	:	Tahun kewangan berakhir/akan berakhir, mengikut keadaan
GJSB	:	Gerak Jaguh Sdn Bhd (563024-K), pemegang saham utama Syarikat kami
KDNK	:	Keluaran Dalam Negara Kasar

DEFINISI (SAMB)

Kod	:	Kod Malaysia mengenai Pengambilalihan dan Percantuman, 2010	
Kumpulan SPK atau Kumpulan	:	SPK dan anak-anak syarikatnya, secara kolektif	
Lembaga	:	Lembaga Pengarah Syarikat kami	
LPD	:	15 Mei 2013, merupakan tarikh terakhir paling munasabah sebelum Pekeliling ini dicetak	
M&A	:	Memorandum dan Tataurusan Pertubuhan	
NA	:	Aset bersih	
NPA	:	Notis peruntukan sementara Saham Hak dan Saham Bonus yang akan dihantar secara berasingan kepada Pemegang Saham yang Berhak	
Pekeliling	:	Pekeliling bertarikh 5 Jun 2013 yang ditujukan kepada Pemegang pemegang Saham SPK berhubung dengan Cadangan	
Pemegang Saham yang Berhak	:	Pemegang saham kami yang namanya terkandung dalam Rekod Ahli Syarikat kami pada Tarikh Keberhakan	
Permohonan Lebihan	Saham	:	Permohonan melalui RSF bagi Saham Hak tambahan yang melebihi peruntukan bersyarat Saham Hak yang diberi kepada Pemegang Saham yang Berhak
R&N	:	Borang pelepasan dan penamaan yang akan dihantar secara berasingan kepada Pemegang Saham yang Berhak	
Rekod Ahli-ahli	:	Rekod ahli-ahli Syarikat kami yang diwujudkan oleh Syarikat kami	
RM dan sen	:	Masing-masing Ringgit Malaysia dan sen	
RSF	:	Borang langganan Saham Hak	
Saham Bonus	:	Saham SPK baru yang akan diterbitkan selaras dengan Cadangan Terbitan Bonus	
Saham Hak	:	Saham SPK baru yang akan diterbitkan selaras dengan Cadangan Terbitan Hak	
Saham SPK atau Saham	:	Saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam SPK	
ShareWorks atau Pendaftar Saham	:	ShareWorks Sdn Bhd (229948-U), pendaftar saham Syarikat kami	
SPK atau Syarikat	:	Sharakat Permodalan Kebangsaan Berhad (4115-H)	
SPK-Sentosa	:	SPK-Sentosa Corporation Berhad (5347-X)	
Tarikh Keberhakan	:	Jam 5.00 petang pada suatu tarikh (yang akan ditentukan dan diumumkan kelak oleh pihak Lembaga selepas mendapat kelulusan pemegang-pemegang saham Syarikat bagi Cadangan melalui laman web SPK, www.spkb.net dan diiklankan dalam akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian bila mana daftar pemegang-pemegang saham Syarikat yang disimpan oleh Pendaftar Saham kami akan ditutup bagi menentukan keberhakan pemegang-pemegang saham kepada Cadangan Terbitan Hak dan Cadangan Terbitan Bonus	

DEFINISI (SAMB)

Kesemua rujukan kepada "Syarikat kami" atau "SPK" dalam Pekeliling ini adalah rujukan kepada Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad dan rujukan kepada "Kumpulan kami" adalah rujukan kepada Syarikat kami dan anak-anak syarikat kami. Rujukan kepada "kami" dan "kami sendiri" adalah rujukan kepada Syarikat kami, atau di mana konteks memerlukan di sebaliknya, Kumpulan kami. Kesemua rujukan kepada "anda" dalam Pekeliling ini adalah rujukan kepada pemegang-pemegang saham Syarikat kami.

Perkataan-perkataan yang membawa maksud bilangan tunggal, di mana berkenaan, termasuk majmuk dan sebaliknya dan perkataan-perkataan yang membawa maksud jantina laki-laki akan, di mana berkenaan, merangkumi jantina-jantina lain dan sebaliknya. Rujukan kepada orang-orang merangkumi perbadanan, melainkan dinyatakan sebaliknya.

Apa-apa rujukan dalam Pekeliling ini kepada mana-mana enakmen adalah rujukan kepada enakmen yang berkuat kuasa buat masa ini yang selepasnya berkemungkinan dipindah atau digubal semula. Apa-apa rujukan kepada masa di dalam sesuatu hari dalam Pekeliling ini akan merujuk kepada waktu Malaysia, melainkan dinyatakan sebaliknya.

[Bahagian muka surat ini sengaja dibiarkan kosong]

JADUAL KANDUNGAN

	MUKA SURAT
SURAT KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM KAMI BERHUBUNG DENGAN CADANGAN	
1. PENGENALAN	1
2. BUTIR-BUTIR CADANGAN	2
3. RASIONAL BAGI CADANGAN	9
4. IMPLIKASI KOD BERBANGKIT DARIPADA AKU JANJI GJSB	9
5. KESAN-KESAN CADANGAN	10
6. TINJAUAN INDUSTRI DAN PROSPEK KUMPULAN KAMI	14
7. KELULUSAN YANG DIPERLUKAN	18
8. ANGGARAN JANGKA MASA BAGI PENYELESAIAN DAN JADUAL WAKTU TENTATIF UNTUK PELAKSANAAN	18
9. KEPENTINGAN PARA PENGARAH, PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN/ATAU ORANG-ORANG YANG BERHUBUNG KAIT DENGAN MEREKA	19
10. CADANGAN KORPORAT DILULUSKAN TETAPI TIDAK DISELESAIKAN	19
11. PENGESYORAN PARA PENGARAH	19
12. EGM	19
13. MAKLUMAT LANJUT	20
LAMPIRAN	
I MAKLUMAT LANJUT	21
NOTIS EGM	DILAMPIRKAN
BORANG PROKSI	DILAMPIRKAN



SHARIKAT PERMODALAN KEBANGSAAN BERHAD

(No. Syarikat 4115-H)

(Diperbadankan di Malaysia di bawah Ordinan Syarikat, 1940 - 1946)

Pejabat Berdaftar:

Tingkat 12, Menara Perak
No. 24, Jalan Perak
50450 Kuala Lumpur

5 Jun 2013

Lembaga Pengarah:

Jen. Tan Sri Yaacob Bin Mat Zain (B) (Pengerusi Lembaga)
Ir. Dr. Azman Bin Ahmad (Naib Pengerusi Eksekutif)
Lt. Jen. Datuk Hj. Md Hanif Bin Hj Darimi RMAF (B) (Pengarah)
Abdul Rahman Bin Teh Mohamed (Pengarah)
Ahmad @ Misron Bin Yusof (Pengarah)
Hasnah Binti Mohd Salleh (Pengarah)

Kepada: Pemegang-pemegang saham SPK

Para pemegang saham yang dihormati,

- (I) CADANGAN TERBITAN HAK;
- (II) CADANGAN TERBITAN BONUS;
- (III) CADANGAN PENAMBAHAN DALAM MODAL SAHAM YANG DIBENARKAN; DAN
- (IV) CADANGAN PINDAAN

1. PENGENALAN

Pada 28 Februari 2013, pihak Lembaga kami telah merumuskan untuk melaksanakan Cadangan yang tertakluk kepada kelulusan anda pada EGM yang akan diadakan kelak.

Pekeliling ini bertujuan untuk mengemukakan butir-butir dan maklumat berhubung dengan Cadangan dan untuk memohon kelulusan anda bagi resolusi-resolusi berhubung dengan Cadangan yang akan dibentangkan pada EGM kami yang akan datang. Notis mengenai EGM kami yang akan datang adalah dilampirkan bersama kandungan Pekeliling ini.

ANDA ADALAH DINASIHATKAN AGAR MEMBACA DAN MENIMBANG KANDUNGAN PEKELILING INI DENGAN TELITI SEBELUM MENGUNDI BAGI RESOLUSI-RESOLUSI PADA EGM KAMI YANG AKAN DATANG YANG MEMBERI KUAT KUASA KEPADA CADANGAN.

2. BUTIR-BUTIR CADANGAN

2.1 Cadangan Terbitan Hak

2.1.1 Butir-butir Cadangan Terbitan Hak

Cadangan Terbitan Hak melibatkan terbitan berjumlah 82,778,643 Saham Hak pada harga terbitan RM1.00 setiap Saham Hak berasaskan 1 Saham Hak bagi setiap 1 Saham SPK sedia ada yang dipegang oleh Pemegang-pemegang Saham yang Berhak pada Tarikh Keberhakan.

Berdasarkan modal saham kami yang diterbitkan dan berbayar pada LPD bernilai RM82,778,643 yang terdiri daripada 82,778,643 Saham SPK, sejumlah 82,778,643 Saham Hak akan diterbitkan selaras dengan Cadangan Terbitan Hak.

2.1.2 Asas menentukan harga terbitan Saham Hak

Harga terbitan Saham Hak telah ditetapkan pada RM1.00 setiap Saham Hak, yang mewakili nilai tara Saham-saham SPK sebanyak RM1.00 sesaham.

2.1.3 Penarafan Saham Hak

Saham-saham Hak setelah diperuntukkan dan diterbitkan akan, bertaraf *pari passu* dari semua segi dengan Saham-saham SPK sedia ada, kecuali dan melainkan bahawa Saham-saham Hak tidak akan berhak kepada mana-mana dividen, hak, peruntukan dan/atau lain-lain bentuk pengagihan (selain daripada Saham Bonus) sama ada diisyiharkan, dibuat atau dibayar sebelum tarikh peruntukan dan penerbitan Saham Hak.

2.1.4 Aku janji oleh pemegang saham utama dan pengaturan taja jamin

Untuk memastikan kejayaan Cadangan Terbitan Hak dan dana yang mencukupi dapat dipungut, kami telah memperoleh aku janji bertulis tidak bersyarat dan tidak boleh batal bertarikh 4 Jun 2013 daripada pemegang saham utama kami, GJSB, bahawa ia akan melanggar sepenuhnya Saham Hak di bawah keberhakannya sendiri dan juga Saham Hak selebihnya yang tidak dilanggar oleh lain-lain Pemegang Saham yang Berhak, butir-butir yang mana adalah seperti berikut:

Bil. Saham SPK yang dipegang pada LPD	Bil. Saham Hak yang akan dilanggar selaras dengan Aku Janji GJSB	Harga Terbitan		Jumlah
		RM	RM	
Keberhakan khusus GJSB	20,225,631	20,225,631	1.00	20,225,631
Langganan maksimum GJSB untuk Saham Hak selebihnya selain daripada keberhakan khususnya	-	62,553,012	1.00	62,553,012
		82,778,643		82,778,643

GJSB telah, melalui suratnya bertarikh 4 Jun 2013, mengakui bahawa ia mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk melanggan Saham Hak selaras dengan Aku Janji GJSB dan akuan tersebut telah ditentusahkan oleh AFFIN Investment, yang merupakan penasihat bagi Cadangan Terbitan Hak.

Aku Janji GJSB tersebut boleh membawa kepada obligasi tawaran pengambilalihan mandatori kepada pemegang-pemegang saham Syarikat kami selaras dengan Bahagian III, Seksyen 9 daripada Kod memandangkan pemegangan saham GJSB dalam Syarikat kami boleh meningkat lebih daripada 33% daripada modal saham kami yang diterbitkan dan berbayar. Sila rujuk kepada Seksyen 4 Pekeliling ini untuk maklumat lanjut mengenai implikasi Cadangan Tawaran Pengambilalihan yang tercusus daripada Aku Janji GJSB.

2.1.5 Pelepasan Saham Hak

Cadangan Terbitan Hak boleh dilepaskan sepenuhnya atau sebahagian **HANYA** kepada Pemegang Saham yang Berhak yang lain. Selaras dengan itu, Pemegang-pemegang Saham yang Berhak masing-masing boleh melanggan dan/atau melepaskan kesemua atau sebahagian keberhakan mereka kepada Saham Hak. Pemegang-pemegang Saham yang Berhak yang melepaskan kesemua atau mana-mana bahagian daripada keberhakan mereka ke atas Saham Hak yang diperuntukkan secara bersyarat kepada mereka di bawah Cadangan Terbitan Hak akan secara automatik dan tidak boleh batal melepaskan mana-mana keberhakan iringan ke atas Saham Bonus. Untuk mengelak keraguan, keberhakan ke atas Saham Hak dan Saham Bonus adalah bergabung (tidak boleh dipisahkan) dan Saham Hak atau Saham Bonus tidak boleh dilepaskan secara berasingan secara individu. Butir-butir lanjut mengenai Cadangan terbitan Bonus dinyatakan dalam Seksyen 2.2 Pekeliling ini.

Saham Hak yang tidak dilanggan oleh Pemegang Saham yang Berhak dan/atau penerima-penerima pelepasan mereka, sekiranya berkenaan, akan disediakan untuk permohonan di bawah Permohonan Saham Lebihan.

Semua Saham Hak yang tidak dilanggan oleh Pemegang-pemegang Saham yang Berhak selepas menentukan peruntukan di bawah Permohonan Saham Lebihan akan dilanggan oleh GJSB selaras dengan Aku Janji GJSB.

2.1.6 Penggunaan perolehan

Berdasarkan harga terbitan sebanyak RM1.00 setiap Saham Hak, penggunaan yang dihasratkan daripada jumlah perolehan kasar sebanyak RM82.779 juta yang akan terkumpul daripada Cadangan Terbitan Hak adalah seperti berikut:

Jangkaan rangka masa bagi penggunaan daripada tarikh terbitan Saham Hak	RM'000
Modal kerja am/bagi keperluan operasi, pengembangan perniagaan dan/atau pemelbagaian aset harta tanah Kumpulan ini dan/atau pembayaran pinjaman bank	Dalam tempoh 12 bulan
Anggaran perbelanjaan berhubung dengan Cadangan	Dalam tempoh 1 bulan
Jumlah	82,779

Mana-mana perubahan kepada anggaran jumlah perbelanjaan berkaitan dengan Cadangan akan dilaraskan dengan jumlah peruntukan bagi keperluan modal kerja am Kumpulan kami.

Sementara menunggu penggunaan perolehan daripada Cadangan Terbitan Hak, perolehan akan disimpan dalam bentuk deposit dengan institusi-institusi kewangan atau instrumen pasaran wang jangka pendek. Keuntungan yang diperoleh daripada deposit dengan institusi kewangan atau mana-mana keuntungan yang diraih daripada instrumen pasaran wang jangka pendek akan digunakan sebagai modal kerja tambahan bagi Syarikat kami.

2.2 Cadangan Terbitan Bonus

2.2.1 Asas dan bilangan Saham Bonus yang akan diterbitkan

Cadangan Terbitan Bonus akan melibatkan terbitan sebanyak 82,778,643 Saham Bonus yang akan dikreditkan sebagai berbayar penuh berasaskan 1 Saham Bonus bagi setiap 1 Saham Hak yang dilanggan oleh Pemegang-pemegang Saham yang Berhak dan/atau penerima-penerima pelepasan mereka.

Saham Bonus akan hanya diterbitkan kepada Pemegang-pemegang Saham yang Berhak dan/atau penerima-penerima pelepasan mereka yang melanggan bagi Saham Hak selaras dengan Cadangan Terbitan Hak.

Selaras dengan itu, pemegang-pemegang saham kami yang melepaskan keberhakan ke atas Saham Hak yang diperuntukkan secara bersyarat kepada mereka di bawah Cadangan Terbitan Hak akan juga secara automatik dan tidak boleh batal melepaskan keberhakan mereka ke atas Saham Bonus.

2.2.2 Permodalan rizab

Cadangan Terbitan Bonus akan dipermodalkan keseluruhannya daripada perolehan tertahan kami.

Ilustrasi mengenai cadangan permodalan untuk Cadangan Terbitan Bonus berdasarkan penyata kewangan teraudit kami bagi FYE 31 Disember 2012 dikemukakan di bawah:

SPK (Tahap Syarikat)	Premium saham	Perolehan Tertahan	Jumlah RM'000
	RM'000	RM'000	
Teraudit pada 31 Disember 2012	4,375	166,785	171,160
Jumlah yang akan dipermodalkan bagi Cadangan Terbitan Bonus	-	(82,779)	(82,779)
Anggaran perbelanjaan berhubung dengan Cadangan	(500)	-	(500)
Selepas Cadangan Terbitan Bonus	3,875	84,006	87,881

Lembaga kami telah mengesahkan bahawa berdasarkan penyata kewangan teraudit terkini kami bagi FYE 31 Disember 2012, rizab kami yang sedia ada mencukupi untuk dipermodalkan bagi tujuan Cadangan Terbitan Bonus.

2.2.3 Penarafan Saham Bonus

Saham-saham Bonus setelah diperuntukkan dan diterbitkan akan bertaraf *pari passu* dari semua segi dengan Saham-saham SPK yang sedia ada kecuali dan melainkan bahawa Saham-saham Bonus tidak akan berhak kepada mana-mana dividen, hak, peruntukan dan/atau lain-lain bentuk pengagihan yang sama ada diisyiharkan, dibuat atau dibayar sebelum tarikh peruntukan dan penerbitan Saham Bonus.

2.3 Cadangan Penambahan dalam Modal Saham yang Dibenarkan

Cadangan Penambahan dalam Modal Saham yang Dibenarkan melibatkan penambahan dalam modal saham Syarikat kami yang dibenarkan daripada RM100,000,000 terdiri daripada 100,000,000 Saham SPK kepada RM500,000,000 terdiri daripada 500,000,000 Saham SPK melalui penjanaan 400,000,000 Saham SPK baru, bagi membolehkan pelaksanaan Cadangan Terbitan Hak dan Cadangan Terbitan Bonus dan sebarang penambahan dalam modal saham kami berhubung sebarang langkah korporat lain di masa hadapan.

[Bahagian muka surat ini sengaja dibiarkan kosong]

2.4 Cadangan Pindaan

Cadangan Pindaan melibatkan pindaan kepada Tataurusan Pertubuhan kami yang berkenaan bagi membolehkan pelaksanaan Cadangan Terbitan Hak dan Cadangan Terbitan Bonus sebagaimana dikemukakan di bawah.

Adalah dicadangkan bahawa Tataurusan Pertubuhan Syarikat kami dipinda seperti berikut:

Artikel yang Sedia ada	Cadangan Pindaan Artikel
Artikel 140B(i) Tataurusan Pertubuhan Mana-mana mesyuarat agung boleh memutuskan bahawa apa-apa wang, pelaburan, atau aset-aset lain yang membentuk sebahagian daripada keuntungan tidak dibahagikan Syarikat yang berada pada kredit dana rizab, atau mana-mana dana rizab penebusan modal, atau dalam simpanan syarikat dan tersedia untuk dividen atau mewakili premium yang diterima atas terbitan saham dan berada pada kredit akaun premium saham, dipermodalkan dan diagihkan di kalangan pemegang-pemegang saham yang berhak untuk menerimanya sekiranya dilakukan melalui pengagihan dividen dan dalam perkadarannya yang sama dengan syarat bahawa mereka menjadi berhak kepadaannya sebagai modal dan bahawa semua atau mana-mana bahagian daripada dana dipermodalkan tersebut digunakan bagi pihak pemegang-pemegang saham tersebut dalam membayar sepenuhnya sama ada pada tara atau pada premium tertentu sebagaimana resolusi mungkin peruntukan, mana-mana saham belum diterbitkan atau debentur atau stok debentur syarikat yang akan diagihkan sewajarnya atau bagi bayaran liabiliti belum dipanggil ke atas mana-mana saham diterbitkan atau debentur atau stok debentur syarikat, dan yang mana pengagihan atau bayaran tersebut akan diterima oleh pemegang-pemegang saham tersebut sebagai penjelasan penuh kepentingan mereka dalam jumlah dipermodalkan tersebut.	Artikel 140B(i) Tataurusan Pertubuhan Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965 dan mana-mana undang-undang dan peraturan-peraturan terpakai lain, mana-mana mesyuarat agung boleh memutuskan bahawa apa-apa wang, pelaburan, atau aset-aset lain yang membentuk sebahagian daripada keuntungan tidak dibahagikan syarikat atau yang berada pada kredit dana rizab, atau mana-mana dana rizab penebusan modal, atau dalam simpanan syarikat dan tersedia untuk dividen atau mewakili premium yang diterima atas terbitan saham dan berada pada kredit akaun premium saham, dipermodalkan dan diagihkan di kalangan pemegang-pemegang saham yang berhak untuk menerimanya (a) sekiranya dilakukan melalui pengagihan dividen dan dalam perkadarannya yang sama dengan syarat bahawa mereka menjadi berhak kepadaannya sebagai modal; ATAU (b) selaras dengan perkadarannya lain yang tertentu dan/atau asas sebagaimana mungkin ditentukan melalui mana-mana resolusi syarikat (asas keberhakann tersebut yang mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, pemegang-pemegang saham yang telah melanggar bagi saham-saham syarikat selaras dengan terbitan hak boleh lepas oleh syarikat), dan bahawa kesemua atau mana-mana bahagian daripada dana dipermodalkan tersebut digunakan bagi pihak pemegang-pemegang saham tersebut dalam membayar sepenuhnya sama ada pada tara atau pada premium tertentu sebagaimana resolusi mungkin peruntukan, mana-mana saham yang belum diterbitkan atau debentur atau stok debentur syarikat yang akan diagih dengan sewajarnya dan/atau bagi membayar liabiliti belum dipanggil ke atas mana-mana saham diterbitkan atau debentur atau stok debentur, dan para pengarah hendaklah memberi kuat kuasa kepada resolusi tersebut.

Notis penting:

Perhatian anda dirujuk kepada perkara-perkara berikut:

- (i) Saham Hak berserta Saham Bonus yang dilampirkan adalah ditawarkan kepada semua Pemegang-pemegang Saham yang Berhak berdasarkan keberhakan yang ditentukan melalui pemegangan saham mereka masing-masing pada Tarikh Keberhakan;
- (ii) Sekiranya, sebagai Pemegang Saham yang Berhak, anda tidak melanggan bagi keberhakan anda bagi Saham-saham Hak:
 - (a) Saham-saham Bonus yang disertakan bersama Saham-saham Hak yang diperuntukkan secara bersyarat kepada anda akan disediakan kepada penerima-penerima pelepasan anda, Pemegang-pemegang Saham yang Berhak yang lain yang telah membuat Permohonan Saham Lebihan dan/atau kepada GJSB, selaras dengan Aku Janji GJSB;
 - (b) perkadaran pemegangan saham anda dalam Syarikat akan dicairkan setakat mana Saham-saham Hak yang anda tidak dilanggan **berserta** lampiran Saham-saham Bonus yang dilepaskan bersama-sama Saham-saham Hak yang tidak dilanggan tersebut (Saham-saham Hak tersebut dan Saham-saham Bonus yang disertakan bersama akan dilanggan sama ada oleh penerima-penerima pelepasan anda, Pemegang-pemegang Saham yang Berhak yang lain yang telah memohon bagi Permohonan Saham Lebihan dan/atau GJSB, selaras dengan Aku Janji GJSB);
 - (c) anda secara automatik dan secara tidak boleh batal melepaskan keberhakan bersyarat anda kepada Saham-saham Bonus yang disertakan bersama kepada Saham-saham Hak yang anda tidak langgan; dan
 - (d) anda tidak akan menerima Saham-saham Bonus yang disertakan bersama Saham-saham Hak tersebut yang diperuntukkan secara bersyarat kepada anda atau sebarang manfaat langsung terhasil daripada Cadangan Terbitan Bonus, yang sebaliknya akan diberi sama ada kepada penerima-penerima pelepasan anda, Pemegang-pemegang Saham Yang Berhak yang lain yang telah memohon bagi Permohonan Saham Lebihan dan/atau kepada GJSB, selaras dengan Aku Janji GJSB sebagaimana diterangkan dalam Seksyen 2.1.4 dan 4 Pekeliling ini.
- (iii) Cadangan Saham Hak dan Cadangan Terbitan Bonus adalah bersyarat kepada Cadangan Penambahan dalam Modal Saham Dibenarkan dan Cadangan Pindaan. Antara lainnya, Cadangan Pindaan akan mempunyai kesan meminda Tataurusan Pertubuhan Syarikat bagi membolehkan pengagihan perolehan tertahan dalam pelbagai cara sebagaimana diluluskan oleh pemegang-pemegang saham (sebagai contoh, melalui Saham-saham Bonus yang disertakan bersama Saham-saham Hak, sebagaimana dicadangkan di bawah Cadangan) dan tidak semestinya mengikut perkadaran kepada pemegangan saham pemegang-pemegang saham dalam Syarikat;
- (iv) Pihak Lembaga kami telah memutuskan untuk membentangkan Cadangan kepada anda selepas mengambil kira pelbagai maklum balas anda di mesyuarat-mesyuarat agung yang lalu dan selepas memberi pertimbangan terperinci mengenai yang berikut:
 - (a) Cadangan akan menambah modal saham SPK yang diterbitkan dan berbayar kepada tahap yang mungkin lebih menggambarkan skala operasi semasa dan aset digunakannya;

- (b) Cadangan akan membolehkan SPK mengumpul dana jangka panjang yang amat diperlukan bagi membiayai pengembangan Kumpulan SPK sambil menyediakan peluang saksama bagi pemegang-pemegang saham kami untuk mengambil bahagian dalam pertumbuhan Kumpulan SPK pada masa hadapan. Oleh yang demikian, harga terbitan telah ditetapkan pada RM1.00 setiap Saham Hak, yang juga merupakan nilai tara Saham-saham SPK, untuk menjadikan pengeluaran tunai bagi langganan Saham Hak semampu mungkin. Dengan mengambil kira Saham Bonus yang disertakan bersama Saham Hak, perbelanjaan sebenar bagi setiap Saham SPK yang diterima di bawah Cadangan berkurangan kepada RM0.50 setiap Saham baru SPK yang diterbitkan di bawah Cadangan; dan
- (c) Sekiranya Cadangan Tawaran Pengambilalihan dicetuskan, selaras dengan Aku Janji GJSB, pemegang-pemegang saham SPK yang tidak lagi ingin turut serta dalam pertumbuhan Kumpulan SPK akan diberi peluang untuk menjual saham-saham mereka melalui Cadangan Tawaran Pengambilalihan.

Setelah menimbang pelbagai pilihan bagi pengumpulan dana, pihak Lembaga kami telah memutuskan bahawa Cadangan ini merupakan kaedah yang paling sesuai untuk mengumpul modal bagi membiayai peluasan perniagaan dan/atau mempelbagaikan aset hartanah. Adalah menjadi harapanikhlas pihak Lembaga kami agar pemegang-pemegang saham kami dapat melanggan Cadangan Terbitan Hak dan meraih insentif yang disediakan berbentuk Saham-saham Bonus.

Undang-undang bidang kuasa asing

Pekeliling ini tidak (dan tidak akan) diterbit bagi mematuhi undang-undang mana-mana negara asing dan tidak (dan tidak akan) diserah simpan, didaftarkan atau diluluskan berhubung atau di bawah mana-mana perundungan (atau pada atau oleh mana-mana pihak berkuasa atau badan-badan berkenaan yang lain) mana-mana negara asing.

Pekeliling ini tidak (dan tidak akan) bermaksud untuk diterbitkan, diedarkan dan diagihkan di mana-mana negara asing dan Cadangan Terbitan Hak dan Cadangan Terbitan Bonus tidak akan dilaksanakan atau ditawarkan di mana-mana negara asing.

Sehubungan itu, Pekeliling ini tidak akan dihantar kepada pemegang-pemegang saham yang beralamat di negara-negara asing (sekiranya berkenaan) yang tidak mempunyai alamat berdaftar di Malaysia. Walau bagaimanapun, pemegang-pemegang saham yang beralamat di negara-negara asing (sekiranya berkenaan) boleh munungut Pekeliling ini di pejabat Pendaftar Saham kami, di mana Pendaftar Saham kami berhak untuk memohon bukti secukupnya berhubung identiti dan tauliah si pengambil dokumen-dokumen yang tersebut di atas.

Penerima-penerima Pekeliling ini tidak boleh, sehubungan Cadangan Terbitan Hak dan Cadangan Terbitan Bonus, mengedar atau menghantar dokumen-dokumen tersebut ke mana-mana bidang kuasa yang akan atau mungkin akan mengakibat pelanggaran undang-undang atau peraturan-peraturan sekuriti, kawalan pertukaran mata wang atau undang-undang atau peraturan-peraturan berkaitan.

3. RASIONAL BAGI CADANGAN

3.1 Cadangan Terbitan Hak

Cadangan Terbitan Hak akan membolehkan Syarikat kami mengumpul dana bagi modal kerja untuk kegunaan operasi, perkembangan perniagaan dan/atau mempelbagaikan aset hartanah.

Pihak Lembaga kami berpendapat bahawa Cadangan Terbitan Hak adalah cara paling sesuai bagi pengumpulan dana berdasarkan perkara-perkara berikut:

- (i) ia membolehkan Syarikat kami mengumpul dana tanpa menanggung beban faedah berbanding dengan pinjaman bank;
- (ii) ia membolehkan SPK memantapkan kedudukan modal dan kewangannya agar lebih berdaya saing ketika meraih peluang-peluang baru dalam pelbagai industri yang diceburi oleh kegiatan-kegiatan utama Kumpulan ini dan menceburi pelaburan-pelaburan atau perniagaan-perniagaan baru yang memberi potensi pulangan yang baik; dan
- (iii) ia menyediakan peluang kepada pemegang-pemegang saham kami untuk menyertai ekuiti dalam Syarikat kami dan pertumbuhan Kumpulan kami melalui penerbitan Saham baru SPK tanpa mencairkan kepentingan ekuiti pemegang-pemegang saham sedia ada (mengandaikan semua Pemegang Saham yang Berhak melanggar sepenuhnya bagi keberhakan masing-masing).

3.2 Cadangan Terbitan Bonus

Cadangan Terbitan Bonus akan:

- (i) menyediakan insentif selanjutnya kepada Pemegang-pemegang Saham yang Berhak untuk melanggar Saham Hak;
- (ii) menambah modal saham Syarikat kami yang diterbitkan dan berbayar kepada tahap yang lebih menggambarkan skala operasi dan aset digunakan kini; dan
- (iii) membolehkan pemegang-pemegang saham Syarikat kami turut terlibat dalam prospek dan pertumbuhan Syarikat kami pada masa hadapan.

3.3 Cadangan Penambahan dalam Modal Saham Dibenarkan dan Cadangan Pindaan

Cadangan Penambahan dalam Modal Saham Dibenarkan dan Cadangan Pindaan dilaksanakan bagi membolehkan pelaksanaan Cadangan Terbitan Hak dan Cadangan Terbitan Bonus dan sebarang penambahan dalam modal saham Syarikat kami berhubung sebarang langkah korporat lain pada masa hadapan.

4. IMPLIKASI KOD BERBANGKIT DARIPADA AKU JANJI GJSB

Selaras dengan Bahagian III, Seksyen 9(1)(a) Kod, tawaran mandatori akan terpakai kepada syarikat mengambil alih, di mana syarikat mengambil alih telah memperoleh "kawalan" ke atas sesebuah syarikat. Di bawah Seksyen 216 CMSA, kawalan bermaksud pengambilalihan atau pemegangan, atau keberhakan untuk melaksanakan atau mengawal pelaksanaan, saham-saham mengundi atau hak mengundi melebihi 33% dalam sesebuah syarikat.

Pada LPD, GJSB adalah pemegang saham utama kami yang secara langsung memegang 20,225,631 Saham SPK, mewakili sekitar 24.4% modal saham kami yang diterbitkan dan berbayar.

Selaras dengan Aku Janji GJSB dan bergantung pada tahap langganan Saham-saham Hak oleh Pemegang-pemegang Saham yang Berhak, kepentingan ekuiti GJSB dalam Syarikat kami mungkin meningkat daripada 24.4% yang sedia ada kepada lebih daripada 33% dan sehingga 74.8% selepas penerbitan Saham Hak dan Saham Bonus. Oleh yang demikian, tawaran mandatori mungkin tercetus ke atas pemegangan saham GJSB dalam Syarikat kami melebihi 33%. Di bawah keadaan ini, GJSB akan diperlukan untuk melaksanakan Cadangan Tawaran Pengambilalihan bagi Saham-saham SPK yang selebihnya yang belum dimiliki oleh GJSB selepas Cadangan Terbitan Hak dan Cadangan Terbitan Bonus selaras dengan Bahagian III, Seksyen 9(1)(a) Kod.

Cadangan Tawaran Pengambilalihan adalah pada RM0.50 setiap Saham SPK, selepas mengambil kira harga terbitan Saham Hak dan diselaraskan bagi penerbitan Saham Bonus.

Jika sekiranya Cadangan Tawaran Pengambilalihan tercetus selaras dengan Aku Janji GJSB, notis pengambilan dan dokumen tawaran kepada pemegang-pemegang saham Syarikat kami akan dihantar secara berasingan selepas Cadangan ini diselesaikan.

5. KESAN-KESAN CADANGAN

Cadangan Penambahan dalam Modal Saham Dibenarkan dan Cadangan Pindaan tidak mempunyai sebarang kesan kepada modal saham kami, NA dan penggearan, perolehan dan EPS dan pemegangan saham pemegang-pemegang saham utama.

5.1 Modal saham

Proforma kesan-kesan Cadangan Terbitan Hak dan Cadangan Terbitan Bonus ke atas modal saham kami yang diterbitkan dan berbayar adalah seperti berikut:

	Bil. Saham SPK	Modal saham
Modal saham yang diterbitkan dan berbayar sedia ada pada LPD	82,778,643	82,778,643
Akan diterbitkan selaras dengan Cadangan Terbitan Hak	82,778,643	82,778,643
	165,557,286	165,557,286
Untuk diterbitkan selaras dengan Cadangan Terbitan Bonus	82,778,643	82,778,643
Modal saham yang diterbitkan dan berbayar yang diperbesarkan	248,335,929	248,335,929

5.2 NA setiap Saham SPK dan penggearan

Berdasarkan penyata kedudukan kewangan disatukan teraudit kami pada 31 Disember 2012, atas andaian bahawa Cadangan Terbitan Hak dan Cadangan Terbitan Bonus telah dilaksanakan pada tarikh tersebut, proforma kesan-kesan Cadangan Terbitan Hak dan Cadangan Terbitan Bonus ke atas NA disatukan setiap Saham kami dan penggearan Kumpulan adalah dinyatakan di bawah:

	Teraudit pada 31 Dis 2012	Cadangan Terbitan Hak	(I)	(II)
			RM '000	Selepas (I) dan Cadangan Terbitan Bonus
Modal saham	82,779	165,557	248,336	
Premium saham	4,375	⁽¹⁾ 3,875	3,875	
Rizab modal	17	17	17	
Rizab pertukaran asing	(634)	(634)	(634)	
Perolehan tertahan	335,032	335,032	252,253	
Dana pemegang-pemegang saham /NA	421,569	503,847		503,847
Bilangan Saham SPK dalam terbitan ('000)	82,779	165,557	248,336	
NA setiap Saham (RM)	5.09	3.04	2.03	
Pinjaman (RM'000)	84,134	⁽²⁾ 84,134	⁽²⁾ 84,134	
Penggearan (kali)	0.20	⁽²⁾ 0.17	⁽²⁾ 0.17	

Nota-nota:

- (1) Setelah ditolak anggaran perbelanjaan yang dianggarkan berjumlah RM500,000 berhubung dengan Cadangan.
- (2) Mengandaikan bahawa perolehan terkumpul daripada Cadangan Terbitan Hak tidak digunakan untuk membayar pinjaman bank.

5.3 Perolehan dan EPS

Cadangan Terbitan Hak dan Cadangan Terbitan Bonus tidak dijangka akan mempunyai sebarang kesan penting ke atas perolehan Kumpulan kami bagi FYE 31 Disember 2013. EPS dijangka akan dicairkan selepas penyelesaian Cadangan Terbitan Hak dan Cadangan Terbitan Bonus disebabkan peningkatan dalam bilangan Saham-saham SPK.

Walau bagaimanapun, penggunaan perolehan daripada Cadangan Terbitan hak sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 2.1.6 Pekeliling ini dijangka akan menyumbang secara positif kepada perolehan Kumpulan kami bagi tahun-tahun kewangan berikutnya, apabila manfaat daripada penggunaan perolehan direalisasikan.

[Bahagian muka surat ini sengaja dibiarkan kosong]

5.4 Struktur pemegangan saham pemegang saham utama

Untuk tujuan gambaran, kesan-kesan Cadangan Terbitan Hak dan Cadangan Terbitan Bonus ke atas struktur pemegangan saham pemegang-pemegang saham utama adalah berdasarkan kepada dua (2) senario:

Andaian-andaian senario

Senario 1 Mengandaikan bahawa semua Pemegang Saham Yang Berhak melanggeng sepeleluhnya Saham-saham Hak mereka masing-masing yang berhak di bawah Cadangan Terbitan Hak.

Senario 2 Mengandaikan bahawa hanya GJSB melanggan bagi keseluruhan Saham Hak selaras dengan keberhakannya sendiri dan Aku Janji GJSB.

Kesan-kesan Cadangan Terbitan Hak dan Cadangan Terbitan Bonus ke atas struktur pemegangan saham pemegang-pemegang saham utama berdasarkan Rekod Ahli-ahli pada LPD adalah seperti berikut:

5.4.1 Senario 1:

Pemegang-pemegang saham utama	Pemegangan saham sedia ada pada LPD						Cadangan Terbitan Hak						Selepas (I) dan Cadangan Terbitan Bonus					
	Langsung			Tidak langsung			Langsung			Tidak langsung			Langsung			Tidak langsung		
	Bil.	Bil.	%	Saham	%	'000	Bil.	Bil.	%	Saham	%	'000	Bil.	Bil.	%	Saham	%	'000
GJSB	20,226	24.4	-	-	-	40,451	24.4	-	-	-	-	60,677	24.4	-	-	-	-	
Mohd Ibrahim Bin Mond Nor	5,193	6.3	-	-	-	10,386	6.3	-	-	-	-	15,579	6.3	-	-	-	-	
Saiful Azrin bin Shahabuddin	-	-	(a)	20,226	24.4	-	-	-	(a)	40,451	24.4	-	-	-	(a)	60,677	24.4	

Notas:

(a) Dianggap berkepentingan selaras dengan Seksyen 6A(4) Akta melalui kepentingan beliau dalam GJSB.

5.4.2 Senario 2:

Pemegang-pemegang saham utama	Pemegangan saham sedia ada pada LPD						Cadangan Terbitan Hak						Selepas (II) dan Cadangan Terbitan Bonus											
	Langsung			Tidak langsung			Langsung			Tidak langsung			Langsung			Tidak langsung								
	Bil.	Saham	%	Bil.	Saham	%	'000	Saham	%	Bil.	Saham	%	'000	Saham	%	Bil.	Saham	%	'000	Saham	%	'000	Saham	%
GJSB	20,226	24.4	-	'000	-	-	103,004	62.2	-	-	-	-	185,783	74.8	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Mohd Ibrahim Bin Mohd Nor	5,193	6.3	-	-	-	-	5,193	3.1	-	-	-	-	5,193	2.1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Saiful Aznir bin Shahabuddin	-	-	-	(b)20,226	24.4	-	-	-	-	(a)103,004	62.2	-	-	-	-	(a)185,783	74.8	-	-	-	-	-	-	

Nota:
(a) Dianggap berkepentingan selaras dengan Seksyen 6A(4) Akta melalui kepentingan beliau dalam GJSB.

[Bahagian muka surat ini sengaja dibiararkan kosong]

5.5 Sekuriti boleh tukar

Pada LPD, Syarikat kami tidak menerbitkan sebarang sekuriti boleh tukar.

6. TINJAUAN INDUSTRI DAN PROSPEK KUMPULAN KAMI

6.1 Gambaran Keseluruhan Ekonomi Malaysia

Pada tahun 2012, ekonomi Malaysia mencatat prestasi lebih baik daripada jangkaan dengan mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 5.6%. Prestasi pertumbuhan keseluruhan dipacu oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri yang lebih tinggi, yang melebihi kesan negatif daripada persekitaran luar yang lemah. Permintaan dalam negeri mencatat kadar pertumbuhan terpantas bagi dekad ini, disokong oleh perbelanjaan penggunaan dan pelaburan yang lebih tinggi. Walaupun wujudnya ketidaktentuan dalam persekitaran luar, keyakinan pengguna dalam negeri meningkat berikutan pertumbuhan pendapatan yang menggalakkan, pasaran pekerja yang terus kukuh, persekitaran inflasi yang rendah dan keadaan pembiayaan yang menyokong kegiatan penggunaan.

Kegiatan pelaburan merupakan pemasu utama ekonomi dalam negeri pada tahun 2012, dengan perbelanjaan modal yang meningkat oleh sektor swasta dan awam. Pelaburan swasta terutamanya adalah kukuh apabila mencatat pertumbuhan tinggi sebanyak 22%. Bahagian pelaburan swasta daripada KDNK meningkat kepada 15.5% pada tahun 2012, paras tertinggi sejak tahun 1998. Ini didorong oleh perbelanjaan modal yang kukuh dalam sektor perkhidmatan berkaitan pengguna, sektor perkilangan berorientasikan dalam negeri dan pelaksanaan projek infrastruktur utama. Pelaburan awam turut mencatat pertumbuhan kukuh 17.1%, didorong oleh perbelanjaan modal lebih tinggi oleh perusahaan awam. Selain itu, prestasi pelaburan yang menggalakkan juga disebabkan oleh pelaksanaan dan kemajuan dalam beberapa projek infrastruktur, termasuk projek yang dilaksanakan di bawah Program Transformasi Ekonomi (*Economic Transformation Programme, ETP*), dan iklim pelaburan yang beransur baik.

Dari segi penawaran, kesemua sektor ekonomi terus berkembang pada tahun 2012. Sektor pembinaan memperoleh manfaat daripada kegiatan pelaburan yang meningkat dengan kukuh, dan mencatat kadar pertumbuhan tertinggi sejak tahun 1995. Walaupun pertumbuhan kegiatan berorientasikan eksport terjejas oleh kelembapan permintaan luar negeri, pertumbuhan kegiatan berkaitan dalam negeri, terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan, terus disokong oleh prestasi kukuh permintaan dalam negeri.

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur melalui perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (CPI), mencatat purata 1.6% pada tahun 2012 (2011: 3.2%). Inflasi lebih rendah daripada jangkaan disebabkan oleh kadar kenaikan harga yang lebih perlakuan dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* dan *pengangkutan*. Barang makanan, yang menjadi pendorong utama inflasi sejak beberapa tahun yang lalu, mencatat kenaikan harga yang lebih sederhana berikutan tekanan harga luaran yang perlakuan dan peningkatan ketara dalam bekalan makanan tempatan. Magnitud pelarasan harga yang ditadbir juga lebih rendah berbanding dengan tahun sebelumnya. Inflasi teras, yang merupakan penunjuk tekanan harga berdasarkan permintaan, menjadi sederhana kepada 2.4% pada tahun 2012 (2011: 2.7%).

Ekonomi Malaysia dijangka terus mencatat kadar pertumbuhan yang kukuh, dengan peningkatan sebanyak 5-6% pada tahun 2013. Kegiatan ekonomi akan ditegarkan oleh permintaan dalam negeri yang terus berdaya tahan, dan disokong pula oleh sektor luaran yang beransur-ansur bertambah baik. Pelaburan swasta dijangka kekal kukuh, didorong oleh peningkatan kapasiti oleh firma berorientasikan dalam negeri dan pelaksanaan berterusan projek dengan tempoh tunggu hasil yang panjang. Pelaburan oleh perniagaan berorientasikan luar negeri juga akan menjadi lebih tinggi

dalam keadaan permintaan luar negeri yang beransur-ansur bertambah baik. Sementara itu, penggunaan swasta diunjurkan berkembang pada kadar yang lebih sederhana pada separuh kedua tahun itu, tetapi akan terus disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang berterusan dan keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan. Perbelanjaan Kerajaan dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih rendah berikutan konsolidasi fiskal yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan dan apabila peranan sektor swasta menjadi lebih penting. Sejak dengan sektor luar negeri yang lebih baik, eksport kasar diunjurkan mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi pada tahun 2013, disokong oleh eksport keluaran perkilangan. Import kasar dijangka menjadi sederhana, sejajar dengan trend yang diunjurkan bagi permintaan dalam negeri. Secara keseluruhan, keadaan ini dijangka menyebabkan sumbangan negatif eksport bersih yang lebih rendah kepada KDNK benar. Lebihan akaun semasa, walaupun masih kekal besar, dijangka terus menjadi lebih kecil pada tahun 2013 dengan pertumbuhan import terus mengatasi pertumbuhan eksport di samping defisit yang berterusan dalam akaun pendapatan dan pindahan semasa.

(Sumber: Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2012)

6.2 Gambaran keseluruhan industri pembinaan

Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 18.9% dalam tempoh separuh pertama 2012, kadar terpantas sejak 1995. Prestasi yang memberangsangkan ini disokong oleh kerancakan kegiatan pembinaan dalam subsektor kejuruteraan awam dan kediaman. Jumlah nilai kerja pembinaan meningkat 24.6% kepada RM38.1 bilion mencerminkan kegiatan pembinaan yang memberangsangkan. Sektor swasta menyumbang 69.8% daripada jumlah nilai kerja pembinaan. Subsektor bukan kediaman (36.5%) dan kejuruteraan awam (31.2%) merupakan penyumbang utama kepada nilai keseluruhan kerja pembinaan dan diikuti oleh subsektor kediaman (26.4%). Bagi keseluruhan tahun 2012, sektor ini dijangka berkembang 15.5% (2011: 4.6%) menyumbang 0.5% kepada pertumbuhan keseluruhan KDNK.

Sektor pembinaan dijangka terus cergas mencatat 11.2%, dengan semua subsektor mencatat pertumbuhan yang kukuh. Sektor ini dijangka memperoleh manfaat daripada kemajuan pesat kegiatan pembinaan yang berterusan, khususnya projek berkaitan pembinaan di bawah Program Transformasi Ekonomi dan *Second Rolling Plan* terutamanya, kegiatan penerokaan bagi industri O&G dan projek utama seperti landasan elektrik berkembar antara Ipoh – Padang Besar, Lebuhraya Pantai Timur Jabur – Kuala Terengganu, Sistem Pengangkutan Gerak Cepat dan Sungai Nadi Kehidupan (*River of Life*) dijangka memacu pertumbuhan subsektor kejuruteraan awam. Subsektor bukan kediaman diunjur berkembang didorong oleh segmen bangunan perindustrian dan permulaan pembinaan Tun Razak Exchange. Subsektor kediaman juga dijangka berkembang tetapi pada kadar yang sederhana, selepas beberapa tahun mencatat pertumbuhan yang kukuh. Projek perumahan di Sungai Buloh dan Bandar Malaysia, Sungai Besi dijangka bermula pada tahun 2013 dan seterusnya akan menyokong kegiatan pembinaan rumah kediaman.

(Sumber: Laporan Ekonomi 2012/2013, Kementerian Kewangan Malaysia)

6.3 Gambaran keseluruhan industri hartaanah

Pada tahun 2011, pasaran hartaanah Malaysia telah mengekalkan pertumbuhan sebanyak 14.3% dalam volum dan 23.8% dalam nilai. Permintaan bagi perumahan berkemungkinan akan berterusan pada tahun 2013, berikutan bekalan perumahan mengalami defisit bagi 3 tahun lepas.

(Sumber: Persatuan Pemaju Harta Tanah dan Perumahan Malaysia)

Pada tahun 2012, prestasi unit perumahan baru di Malaysia dalam tempoh 9 bulan selepas pelancaran (Q1 2012, Q2 2012 dan Q3 2012) setakat Q3 2012 menunjukkan kadar pembelian sebanyak 46.1% bagi 40,304 unit yang dilancarkan dalam tempoh

di bawah kajian. Ini mewakili peningkatan berbanding dengan 39.5% kadar pembelian yang dicatat dalam tempoh yang sama setakat Q3 2011 bagi 32,307 perumahan baru yang dilancarkan pada tahun 2011.

(Sumber: Jabatan Pernilaian dan Perkhidmatan Harta)

Subsektor kediaman berkembang dengan ketara sebanyak 22% dalam tempoh separuh pertama 2012 (Januari – Jun 2011: 9.9%) disokong oleh permintaan yang kukuh bagi tujuan perumahan dan pelaburan berikutan peningkatan pendapatan boleh guna isi rumah. Tambahan pula, kemudahan yang lebih baik berikutan pembangunan projek infrastruktur merangsang lagi permintaan untuk rumah, terutamanya di kawasan luar bandar. Unit rumah mula dibina meningkat 13.1% kepada 60,975 unit (Januari – Jun 2011: 37.8%; 53,912 unit) dengan Selangor mencatat peningkatan bilangan unit tertinggi sebanyak 65.9% kepada 16,382 unit, diikuti oleh Kuala Lumpur (49.4%) dan Johor (30%). Kelulusan perumahan baharu di Kuala Lumpur meningkat dengan kukuh sebanyak 250%, Pulau Pinang (77.9%) dan Selangor (18.3%) dalam tempoh yang sama. Pemaju kini mula membina lebih banyak rumah mampu milik dengan mengambil peluang daripada usaha Kerajaan yang berterusan untuk menyokong pemilikan rumah. Sehubungan ini, bilangan rumah berharga antara RM150,000 hingga RM250,000 yang dilancarkan meningkat 2.7% kepada 5,628 unit pada akhir Jun 2012 (akhir Disember 2011: 5,481 unit). Sehingga akhir Jun 2012, sejumlah 2,801 unit Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) telah siap dibina manakala 8,752 unit sedang dalam pembinaan. Pembinaan perumahan baharu ini akan meningkatkan stok sedia ada dan memenuhi permintaan yang semakin meningkat bagi harta tanah kediaman mampu milik.

Dari segi permintaan, kadar jualan bagi unit kediaman baharu yang dilancarkan semakin menggalakkan dan meningkat kepada 17.6% (Januari – Jun 2011: 10.3%). Berikutan ini, jumlah urus niaga harta tanah meningkat 1.1% (217,160 urus niaga) kepada RM69.1 bilion (Januari – Jun 2011: 18.2%; RM64.8 bilion) dengan sektor kediaman merangkumi 63% daripada jumlah unit dagangan dan 48% daripada jumlah nilai urus niaga. Selaras dengan prestasi pelancaran yang lebih baik, bilangan unit kediaman siap dibina yang tidak terjual menurun 32% dengan nilai RM3.8 bilion dalam tempoh separuh pertama 2012 (Januari – Jun 2011: -1.4%; RM4.7 bilion). Indeks Harga Rumah Malaysia pula meningkat 7.9% kepada 167.3 mata dalam tempoh suku kedua 2012 (S2 2011: 10.6%; 155.1 mata) dengan peningkatan indeks tertinggi dicatatkan di Lembah Klang pada 185.3 mata dan Pulau Pinang pada 181 mata. Kuala Lumpur kekal mencatat harga purata rumah tertinggi iaitu RM491,388, diikuti oleh Selangor (RM364,722) dan Pulau Pinang (RM261,601).

(Sumber: Laporan Ekonomi 2012/2013 – Prestasi dan Prospek Ekonomi, Kementerian Kewangan Malaysia)

6.4 Gambaran keseluruhan industri minyak dan gas

Peningkatan dalam permintaan tenaga dan pertumbuhan ekonomi global dijangka akan meningkatkan sumbangan sektor minyak dan gas kira-kira 20% dalam tempoh lima tahun akan datang. Peningkatan ini akan mencapai RM81.9 bilion atau 11.1% daripada KDNK pada tahun 2015. Kegiatan huluan dijangka menyumbang RM43.0 bilion atau 5.8% kepada KDNK manakala kegiatan hiliran pula akan menyumbang sebanyak RM39.8 bilion atau 5.3% daripada KDNK pada tahun 2015.

Kewujudan rizab minyak dan gas jelas memberi kelebihan kepada Malaysia untuk memberi tumpuan kepada sektor ini. Bagi menyokong pertumbuhan sektor ini, infrastruktur yang mantap seperti pelantar luar pantai, tiga (3) zon petrokimia bersepada dan tapak penghasilan gas asli cecair ("LNG") bertaraf dunia telah dibina di sepanjang rantaian nilai. Syarikat minyak negara, Petronas telah memainkan peranan penting dalam menggerakkan pertumbuhan industri menerusi pembangunan sumber minyak dan gas serta membuka peluang kepada syarikat tempatan membina kemampuan dan keupayaan di sepanjang rantaian nilai.

Bagi segmen hiliran, tiga zon industri petrokimia utama yang bersepadu telah diwujudkan dan berjaya menarik pelaburan asing terutama dari Amerika Syarikat (33.0% dari jumlah pelaburan asing), Jerman (22.8%) dan Jepun (14%); sementara PETRONAS adalah pelabur tempatan terbesar. Dalam tempoh Rancangan, sasaran pelaburan tahunan dalam industri petrokimia ditetapkan sebanyak RM11.3 bilion setahun dan eksport dijangka mencecah RM27.7 bilion pada tahun 2015.

Bagi memacu pertumbuhan, Malaysia akan mempercepat dan mengoptimumkan pembangunan rizab tempatan dan infrastruktur sedia ada serta menyokong pewujudan jaguh dalam sektor ini di peringkat serantau dan antarabangsa. Walaupun sumber minyak dan gas sedia ada semakin berkurangan, medan minyak yang berpotensi masih wujud yang melibatkan kawasan matang, kecil dan secara teknikalnya rumit. Malaysia telah membina kepakaran dalam kejuruteraan, perolehan, pembinaan, pentaulahan dan pemasangan kemudahan minyak dan gas di pesisir serta di luar pesisir pantai yang membolehkan Malaysia memanfaat dan memberi tumpuan kepada perkhidmatan dan peralatan telaga minyak. Peluang juga wujud dalam sektor logistik memandangkan Malaysia merupakan salah satu pemilik dan pengendali kapal LNG yang terbesar di dunia.

(Sumber: Bab 3 - Rancangan Malaysia Kesembilan 2011 - 2015, Unit Perancangan Ekonomi)

6.5 Prospek Kumpulan kami

Kumpulan kami pada masa ini terlibat terutamanya dalam empat (4) segmen perniagaan, iaitu harta tanah, pembinaan, minyak dan gas dan teknologi.

Bagi bahagian harta tanah, kami akan mengambil sikap berhati-hati dengan memperkenalkan pelancaran-pelancaran yang mempunyai pembangunan berfasa, menumpu pada kejuruteraan nilai untuk mengurangkan kos dan mencari alternatif bagi bahan pengganti manakala terus berusaha untuk meningkatkan daya saing dan kedudukan pasaran. Kumpulan kami melalui inovasi dalam pembangunan dan strategi produk. Kami terus berharap agar dapat menguasai pasaran yang lebih besar bagi projek-projek pembangunan harta tanah kami berdasarkan pelbagai pilihan produk harta tanah yang kami tawarkan kepada pasaran mampu milik hingga galah kepada pasaran pertengahan dan mewah. Tumpuan kami juga adalah kepada pembangunan kediaman khas di tanah kami yang baru dibeli di Jalan Kasawari, Ampang yang dijangka akan dilancarkan menjelang akhir tahun 2013. Pada LPD, nilai pembangunan kasar semasa ("GDV") projek-projek pembangunan harta tanah kami adalah dianggarkan sebanyak RM1.98 bilion.

Di sebalik industri pembinaan yang sangat bersaingan, kami akan terus melaksanakan projek-projek domestik berkualiti secara eksklusif untuk menambah buku tempahan kami manakala dalam masa yang sama menumpukan perhatian pada penyiapan projek-projek di peringkat tempatan dan antarabangsa. Setakat LPD, buku tempahan semasa Kumpulan kami dianggarkan mencecah RM64.27 juta. Kami telah mengemukakan tender bagi projek-projek pembinaan yang bernilai lebih kurang RM935.93 juta yang mana Kumpulan telah berjaya mendapat satu kontrak yang bernilai RM129.8 juta. Walau bagaimanapun, 2 tender yang dianggarkan bernilai RM665.85 juta tidak berjaya diperoleh manakala tender selebihnya yang bernilai lebih kurang RM140.27 juta masih lagi menunggu keputusan.

Permintaan dijangka akan meningkat bagi perkhidmatan minyak dan gas selaras dengan projek-projek baru yang diumumkan oleh kerajaan, yang termasuk projek-projek utama berhubung dengan penerokaan dan pengeluaran laut dalam dan inisiatif pembalikmudaan dan pembangunan semula tapak pembangunan lama yang semakin meningkat untuk menambah rizab hidrokarbon Malaysia. Dalam hubungan ini, Petronas telah memperuntukkan lebih kurang RM300 bilion bagi perbelanjaan modal bagi tempoh antara tahun 2011 hingga 2015 untuk memenuhi sasaran pengeluaran 5-tahunnya. Selain itu, Kumpulan kami juga secara aktif mencari kontrak-kontrak dan peluang-peluang baru dalam perkhidmatan sokongan minyak

dan gas. Di sebalik usaha Kumpulan meneroka beberapa peluang dalam segmen minyak dan gas, wujud kesukaran dalam mendapatkan kontrak-kontrak baru disebabkan rekod prestasi Kumpulan yang terhad dalam industri minyak dan gas. Walau bagaimanapun, perkhidmatan penerbangan helikopter, dijangka akan terus menyumbang secara positif kepada Kumpulan seiring dengan usaha meraih kontrak-kontrak baru dalam penerbangan helikopter dan peluang-peluang baru dalam perkhidmatan sokongan minyak dan gas. Setakat LPD, Kumpulan kami telah mengemukakan tender bagi projek-projek minyak dan gas yang dianggarkan bernilai lebih kurang RM464.83 juta, yang mana Kumpulan kami telah berjaya mendapat satu kontrak yang bernilai RM9.3 juta manakala tender selebihnya masih lagi menunggu keputusannya. Sebagai medium untuk mengejar peluang-peluang baru, anak syarikat kami, SPK-Sentosa telah pada 25 Julai 2012 menandatangani perjanjian pemegang saham dengan Superior Energy Services B.V. dan Superior Energy Services (KL) Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Raven Prosperity Equity Sdn Bhd) bagi tujuan menjalankan perniagaan perkhidmatan dan peralatan medan minyak, mengkhusus dalam memenuhi keperluan berkaitan penggerudian dan pengeluaran syarikat-syarikat minyak dan gas, serta perkhidmatan penutupan dan peninggalan dan penyahaktifan yang diperlukan pada akhir hayat telaga.

(Sumber: Pengurusan SPK)

Dalam ketiadaan sebarang keadaan di luar jangkaan, Lembaga kami selepas mempertimbangkan segala aspek berkaitan, termasuk prospek tersebut di atas serta gambaran keseluruhan dan tinjauan industri, berpendapat bahawa Cadangan ini dijangka akan menyumbang secara positif kepada perolehan Kumpulan kami di masa hadapan dan meningkatkan nilai pegangan saham SPK dalam jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang.

7. KELULUSAN YANG DIPERLUKAN

Cadangan ini adalah tertakluk kepada kelulusan daripada pemegang-pemegang saham kami pada EGM akan datang.

Cadangan Terbitan Hak dan Cadangan Terbitan Bonus adalah bersyarat ke atas Cadangan Penambahan dalam Modal Saham Dibenarkan dan Cadangan Pindaan. Cadangan Penambahan dalam Modal Saham Dibenarkan dan Cadangan Pindaan tidak saling bersyarat ke atas satu sama lain.

Cadangan ini tidak bergantung ke atas mana-mana cadangan lain yang dilaksanakan atau yang akan dilaksanakan oleh Syarikat kami.

8. ANGGARAN JANGKA MASA BAGI PENYELESAIAN DAN JADUAL WAKTU TENTATIF UNTUK PELAKSANAAN

Dalam ketiadaan keadaan di luar jangkaan dan tertakluk kepada penerimaan kelulusan daripada pemegang-pemegang saham kami, pihak Lembaga kami menjangkakan Cadangan ini akan selesai dilaksanakan menjelang suku ke-3 tahun 2013. Jadual waktu tentatif bagi pelaksanaan Cadangan adalah dibentangkan di bawah:

Tarikh	Peristiwa
27 Jun 2013	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mengadakan EGM untuk mendapatkan kelulusan daripada pemegang-pemegang saham kami
Pertengahan Julai 2013	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pengumuman Tarikh Keberhakan bagi Cadangan Terbitan Hak dan Cadangan Terbitan Bonus
Akhir Julai 2013	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tarikh Keberhakan
Pertengahan Ogos 2013	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penghantaran NPA, RSF & R&N kepada Pemegang-pemegang Saham yang Berhak
Pertengahan September 2013	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Hari terakhir untuk menerima penerimaan dan permohonan bagi Saham-saham Hak

Kecuali tarikh EGM, jadual di atas adalah tentatif dan tertakluk kepada perubahan yang mungkin diperlukan untuk memudahkan prosedur pelaksanaan Cadangan Terbitan Hak dan Cadangan Terbitan Bonus.

9. KEPENTINGAN PARA PENGARAH, PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN/ATAU ORANG-ORANG YANG BERHUBUNG KAIT DENGAN MEREKA

Kecuali bagi kelayakan masing-masing sebagai pemegang saham Syarikat kami di bawah Cadangan Terbitan Hak, hak-hak yang juga disediakan untuk semua pemegang saham sedia ada yang lain Syarikat kami pada Tarikh Keberhakan, dan kepentingan kontingen di bawah Aku Janji GJSB (untuk tujuan memastikan kejayaan Cadangan Terbitan Hak) tiada pengarah, pemegang saham utama Syarikat dan/atau orang-orang yang berkaitan dengan mereka mempunyai apa-apa kepentingan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam Cadangan Terbitan Hak dan Cadangan Terbitan Bonus.

Tidak ada seorang pun daripada para Pengarah kami mempunyai apa-apa kepentingan dalam Cadangan Penambahan dalam Modal Saham yang Dibenarkan dan Cadangan Pindaan.

10. CADANGAN KORPORAT DILULUSKAN TETAPI TIDAK DISELESAIKAN

Kecuali bagi Cadangan, tidak ada cadangan korporat yang telah diluluskan oleh pihak Lembaga kami tetapi tidak diselesaikan pada tarikh Pekeliling ini.

11. PENGESYORAN PARA PENGARAH

Pihak Lembaga kami berpendapat bahawa Cadangan ini adalah demi kepentingan terbaik Syarikat ini, setelah mempertimbangkan Cadangan ini dari semua segi, termasuk rasional dan justifikasi bagi Cadangan ini, penggunaan perolehan daripada Cadangan Terbitan Hak dan kesan-kesan Cadangan ini.

Oleh itu, pihak Lembaga kami mengesyorkan agar anda memberi undian yang menyokong resolusi-resolusi berhubung Cadangan ini yang akan dibentangkan pada EGM Syarikat yang akan datang.

12. EGM

EGM, yang mana Notis berkenaan dikemukakan dalam Pekeliling ini, akan diadakan pada hari Khamis, 27 Jun 2013 pada jam 11.15 pagi atau sejurus selepas berikutan penutupan atau penangguhan (mengikut keadaan) Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat kami yang ke-52 (yang akan diadakan di tempat yang sama dan pada hari yang sama pada jam 10.30 pagi), yang mana terkemudian, atau pada sebarang penangguhannya, bagi maksud menimbangkan dan, sekiranya difikirkan wajar, meluluskan dengan atau tanpa pindaan, resolusi-resolusi untuk memberi kuat kuasa kepada Cadangan ini.

Jika anda sendiri tidak dapat menghadiri dan mengundi pada EGM, sila lengkapkan, tandatangani dan kembalikan Borang Proksi yang dilampirkan pejabat berdaftar Syarikat di Tingkat 12, Menara Perak, No 24, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur, agar sampai tidak lewat daripada 48 jam sebelum masa yang ditetapkan. Borang Proksi hendaklah dilengkapkan secara tepat menurut arahan yang terkandung di dalamnya. Penyerahan Borang Proksi tidak akan menghalang anda daripada menghadiri sendiri dan mengundi pada EGM sekiranya anda berhasrat berbuat demikian kemudian.

13. MAKLUMAT LANJUT

Anda dinasihatkan agar merujuk kepada Lampiran yang dikemukakan dalam Pekeliling ini untuk maklumat lanjut.

Yang benar,

Untuk dan bagi pihak Lembaga
SHARIKAT PERMODALAN KEBANGSAAN BERHAD

JEN. TAN SRI YAACOB BIN MAT ZAIN (B)
Pengerusi

MAKLUMAT LANJUT – LAMPIRAN I

1. PENYATA TANGGUNGJAWAB PARA PENGARAH

Pekeliling ini telah dilihat dan diluluskan oleh pihak Lembaga kami dan para Pengarah secara individu dan secara kolektif menerima tanggungjawab penuh bagi ketepatan maklumat yang terkandung dalam Pekeliling ini dan mengesahkan bahawa, selepas membuat semua pertanyaan yang munasabah dan setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaik mereka, tidak ada fakta peninggalan yang mana akan membuat mana-mana kenyataan di dalam Pekeliling ini palsu atau mengelirukan.

2. PERSETUJUAN

AFFIN Investment merupakan penasihat bagi Cadangan ini, telah memberi dan tidak selepas itu menarik balik persetujuan bertulisnya kepada kemasukan dalam Pekeliling ini akan namanya dan semua rujukan kepadanya dalam bentuk dan konteks dalam mana ianya kelihatan dalam Pekeliling ini.

ShareWorks merupakan pendaftar saham bagi Cadangan Terbitan Hak dan Cadangan Terbitan Bonus, telah memberi dan tidak selepas itu menarik balik persetujuan bertulisnya kepada kemasukan dalam Pekeliling ini akan namanya dan semua rujukan kepadanya dalam bentuk dan konteks dalam mana ianya kelihatan dalam Pekeliling ini.

3. PERISYTIHARAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

Kecuali sebagaimana dinyatakan di bawah, AFFIN Investment dengan ini mengisyiharkan bahawa tidak ada percanggahan kepentingan yang wujud atau mungkin wujud berhubung dengan peranan AFFIN Investment sebagai penasihat kepada SPK berhubung dengan Cadangan Terbitan Hak dan Cadangan Terbitan Bonus.

- (i) Jeneral Tan Sri Yaacob bin Mat Zain (B) ("TSYMZ") adalah Pengarah dan Pengerusi Lembaga Pengarah SPK, Pengerusi Lembaga Pengarah SPK-Sentosa, dan Pengerusi Lembaga Pengarah AFFIN Investment. TSYMZ mempunyai 1,000 saham SPK pada LPD. TSYMZ tidak mempunyai apa-apa pemegangan saham dalam AFFIN Investment pada LPD.
- (ii) AFFIN Investment, adalah, pada LPD penasihat kepada SPK bagi Cadangan dan juga penasihat kepada GJSB bagi Cadangan Tawaran Pengambilan;
- (iii) AFFIN Bank Berhad ("ABB") dan AFFIN Investment adalah anak syarikat milik penuh AFFIN Holdings Berhad. Pada LPD, Kumpulan SPK mempunyai kemudahan pinjaman berjangka sebanyak RM80.0 juta dan kemudahan-kemudahan overdraf sebanyak RM40.0 juta daripada ABB. Pemberian pinjaman ABB kepada Kumpulan SPK adalah sebahagian daripada urusniaga lazim ABB.

Walau bagaimanapun, AFFIN Investment berpendapat bahawa hubungan sebagaimana diterangkan di atas tidak akan membawa kepada keadaan percanggahan kepentingan dalam peranan AFFIN Investment sebagai penasihat kepada SPK bagi Cadangan Terbitan Hak dan Cadangan ini atas sebab-sebab berikut:

- (i) jawatan-jawatan pengarah TSYMZ dalam SPK dan AFFIN Investment tersebut di atas bersifat bukan eksekutif;
- (ii) pemegangan saham TSYMZ dalam SPK tersebut di atas amat kecil;
- (iii) pengurusan dan/atau Lembaga AFFIN Investment tidak tertakluk kepada arahan TSYMZ dalam menjalankan Cadangan ini;

MAKLUMAT LANJUT – LAMPIRAN I (SAMB)

- (iv) Sebagai sebuah bank pelaburan berlesen, AFFIN Investment menerapkan tanggungjawab profesional tertinggi dan akan memastikan tugas profesionalnya sebagai penasihat SPK berhubung dengan Cadangan ini dilaksanakan sewajarnya;
- (v) selain dari yuran profesional/faedah yang akan diperoleh AFFIN Investment sebagai penasihat kepada SPK berhubung Cadangan ini. AFFIN Investment tidak memperoleh sebarang kepentingan, sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada pelantikannya sebagai penasihat berhubung Cadangan ini dan tidak berkepentingan mahupun terjejas oleh sebarang keputusan berhubung Cadangan-cadangan; dan
- (vi) tiada kemudahan pinjaman yang diberikan oleh AFFIN Investment kepada Kumpulan SPK pada LPD.

Pihak Lembaga seterusnya mengesahkan bahawa ia sedia maklum dan menyedari akan perkara-perkara di atas dan menerima peranan AFFIN Investment sebagai penasihat kepada SPK masing-masing berhubung Cadangan ini.

4. LITIGASI MATERIAL

Kecuali sebagaimana dinyatakan di bawah, pada LPD, Kumpulan SPK tidak terlibat dalam apa-apa litigasi material, tuntutan atau timbangtara, sama ada sebagai plaintiff atau defendant, dan Lembaga kami tidak maklum tentang apa-apa prosiding yang belum diputuskan atau diancam terhadap Kumpulan SPK, atau sebarang fakta yang berkemungkinan menimbulkan sebarang prosiding yang mungkin mempengaruhi secara material atau menjaskan kedudukan kewangan atau perniagaan Kumpulan SPK.

- (i) Terdapat lima (5) saman sivil dimulakan yang melibatkan Ladang SPK Sdn Bhd ("**Ladang SPK**"), sebuah anak syarikat milik penuh SPK. Kelima-lima (5) saman adalah saling berkait, yang mana dua (2) daripadanya merupakan saman yang dimulakan oleh Ladang SPK dan tiga (3) lagi oleh MCK Development Sdn Bhd ("**MCK Development**") dan Masbe Sdn Bhd ("**Masbe**") (sebuah syarikat berkaitan dengan MCK Development). Saman-saman tersebut berhubung dengan beberapa bidang tanah di Johor Bahru, dikenali sebagai Tanah Yahya Awal ("**Tanah**"). Butir-butir lima (5) saman adalah seperti berikut:
 - (a) Ladang SPK memfailkan tuntutan terhadap Malayan Banking Berhad ("**MBB**") dan Masbe bagi jumlah sebanyak RM30.0 juta untuk pelanggaran akujanji yang dikeluarkan oleh MBB yang memihak kepada Ladang SPK berhubung dengan kemudahan perbankan yang diberikan kepada Masbe bagi pembelian Tanah.

Mahkamah telah menetapkan perkara ini untuk perbicaraan pada 9 dan 10 Oktober 2013 dan pengurusan kes sebelum perbicaraan ditetapkan pada 2 September 2013.

Peguamcara yang mengendalikan kes ini berpendapat bahawa Ladang SPK mempunyai kes yang sangat kuat terhadap MBB bagi pelanggaran akujanji tersebut;

MAKLUMAT LANJUT – LAMPIRAN I (SAMB)

- (b) MCK Development memfailkan tuntutan terhadap Ladang SPK, bagi perisyiharan untuk memberi MCK Development hak untuk menjual Tanah selaras dengan perjanjian jual beli di antara MCK Development dan Ladang SPK bertarikh 30 Jun 2004 ("SPA") dan perolehan daripada jualan akan dibahagikan, dengan keutamaan akan diberikan kepada MCK Development, bagi jumlah sebanyak RM22.5 juta bersama faedah. Fakta kes dan dokumen perbicaraan adalah sama dengan saman pertama yang diperincikan dalam perkara (a) di atas. Tambahan pula kausa tindakan bermula akibat daripada pelanggaran akujanji oleh MBB. Oleh itu, peguamcara yang mengendalikan kes ini berpendapat bahawa peluang Ladang SPK memenangi saman ini adalah serupa dengan saman yang pertama yang diperincikan dalam perkara (a) di atas.

Baru-baru ini, saman ini telah digabungkan dengan saman di antara Gromutual Berhad ("Gromutual") dan Ladang SPK yang diperincikan dalam perkara (ii) di bawah dan MCK Development telah memfailkan permohonan untuk mengenepikan perintah penyataan tersebut. Permohonan untuk mengetepikan perintah penyataan telah ditolak pada 24 April 2013.

Mahkamah telah menetapkan perkara itu untuk perbicaraan pada 27 dan 28 November 2013 dan pengurusan kes sebelum perbicaraan ditetapkan pada 4 September 2013;

- (c) MCK Development, sebagai plaintif, memulakan saman terhadap Ladang SPK, SPK dan Saiful Aznir Bin Shahabudin ("Saiful"), Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SPK, sebagai defendant. Tuntutan adalah berhubung dengan perjanjian penyelesaian bertarikh 6 Februari 2008 ("Perjanjian Penyelesaian") dan SPA berhubung dengan Tanah. MCK Development memohon injunksi untuk menghalang defendant daripada mengurus atau menjual atau memindah Tanah kepada pihak ketiga. MCK Development juga menuntut supaya Tanah untuk dipindahkan kepada namanya atau sebagai alternatif Tanah dijual dan ia diberi keutamaan pembayaran daripada perolehan jualan Tanah dengan jumlah perlu dibayar kepadanya ditetapkan pada RM22.5 juta dengan faedah 8% yang dikira dari Mei 2005 sehingga penyelesaian akhir sepenuhnya. MCK Development juga menuntut daripada SPK jumlah sebanyak RM24.0 juta.

Defendant-defendant telah memfailkan permohonan untuk membatalkan writ saman oleh MCK Development dan mahkamah telah membenarkan permohonan defendant-defendant. MCK Development mempunyai tiga puluh (30) hari dari 12 April 2013 untuk memfailkan rayuan terhadap keputusan mahkamah. Walau bagaimanapun, tiada rayuan telah difaiklan dan oleh itu, perkara itu tidak lagi wujud;

- (d) Masbe, sebagai plaintif, memfailkan saman terhadap Ladang SPK dan Saiful, sebagai defendant-defendant, bagi jumlah sebanyak melebihi RM8.6 juta daripada defendant-defendant atas dakwaan bahawa defendant-defendant gagal untuk memenuhi obligasi mereka di bawah Perjanjian Penyelesaian. Saman ini telah dibatalkan pada 13 Mei 2013 dengan kos. Walau bagaimanapun, Masbe mempunyai tiga puluh (30) hari dari 13 Mei 2013 untuk merayu terhadap keputusan tersebut. Sekiranya tiada rayuan difaiklan oleh Masbe dalam tempoh tersebut, perkara itu tidak lagi dijadikan litigasi dalam mahkamah; dan
- (e) Ladang SPK memulakan tuntutan terhadap MCK Development bagi jumlah sebanyak kira-kira RM8.6 juta berhubung dengan Perjanjian Penyelesaian. Tarikh pengurusan kes akan datang bagi saman ini ditetapkan pada 18 Jun 2013.

MAKLUMAT LANJUT – LAMPIRAN I (SAMB)

Peguamcara yang mengendalikan kes ini berpendapat bahawa defendant akan berjaya memandangkan MCK Development telah dengan jelas melanggar kewajipan kontrak mereka dan Ladang SPK berhak kepada jumlah sebanyak RM8.6 juta bersama faedah.

- (ii) Pada 30 Julai 2012, Gromutual, sebagai plaintiff, memfailkan saman terhadap Ladang SPK, sebagai defendant, untuk: (a) satu perintah untuk mengisyiharkan bahawa perjanjian jual beli bertarikh 7 Jun 2011 dan perjanjian novasi bertarikh 13 Februari 2012 berhubung dengan dua (2) bidang tanah terletak di Johor Bahru (“**Tanah Tersebut**”) adalah masih sah dan boleh dikuatkuasakan; (b) satu perintah bahawa Ladang SPK akan menarik balik kaveat persendirian yang dimasukkan ke atas Tanah Tersebut; (c) satu perintah untuk melaksanakan perjanjian jual beli; (d) ganti rugi am; dan (e) ganti rugi khas bagi jumlah sebanyak kira-kira RM47.3 juta, bersama dengan faedah dan kos. Perkara ini berkait dengan saman dalam perkara (i) di atas.

Baru-baru ini saman ini telah disatukan dengan saman antara MCK Development dan Ladang SPK yang diperincikan dalam perkara (i)(b) di atas dan MCK Development telah memfailkan permohonan untuk mengetepikan perintah penyatuhan tersebut.

Perkara ini telah ditetapkan untuk pengurusan kes pada 31 Mei 2013.

5. KOMITMEN MATERIAL

Kecuali sebagaimana dinyatakan di bawah, pada LPD, pihak Lembaga kami tidak maklum tentang apa-apa komitmen modal material yang ditanggung atau diketahui akan ditanggung oleh Kumpulan kami.

Komitmen modal

	Kumpulan	
	RM'000	
Pembelian harta tanah dalam perjalanan urusniaga lazim	80,000	

6. LIABILITI KONTINGEN

Kecuali sebagaimana dinyatakan di atas dan dalam Seksyen 4 Lampiran I Pekeliling ini, pada LPD, pihak Lembaga kami tidak maklum tentang lain-lain liabiliti kontingen ditanggung atau diketahui akan ditanggung oleh Kumpulan kami.

7. DOKUMEN TERSEDIA UNTUK PEMERIKSAAN

Salinan dokumen-dokumen berikut adalah tersedia disediakan untuk pemeriksaan di pejabat berdaftar Syarikat di Tingkat 12, Menara Perak, No. 24, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur semasa waktu perniagaan biasa (kecuali cuti umum) dari tarikh Pekeliling sehingga tarikh EGM akan datang:

- i. M&A SPK;
- ii. Penyata kewangan disatukan teraudit SPK bagi FYE 31 Disember 2012;
- iii. Surat kebenaran yang dirujuk dalam Seksyen 2 di atas; dan
- iv. Kertas kausa berhubung dengan litigasi material yang dirujuk dalam Seksyen 4 di atas.



SHARIKAT PERMODALAN KEBANGSAAN BERHAD

(No. Syarikat 4115-H)

(Diperbadankan di Malaysia di bawah Ordinan Syarikat 1940 - 1946)

NOTIS MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA

NOTIS ADALAH DENGAN INI DIBERI bahanwa Mesyuarat Agung Luar Biasa (“EGM”) Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad (“SPK” atau “Syarikat”) akan diadakan di Royal Selangor Golf Club, Jalan Kelab Golf, Off Jalan Tun Razak, 55000 Kuala Lumpur pada hari Khamis, 27 Jun 2013 pada jam 11.15 pagi atau sebaik sahaja selepas penutupan atau penangguhan (mengikut keadaan) Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat kami yang ke-52 yang akan diadakan di tempat yang sama dan pada hari yang sama pada jam 10.30 pagi, yang mana terkemudian, bagi tujuan menimbang dan sekiranya difikirkan wajar, meluluskan resolusi-resolusi yang berikut, dengan atau tanpa modifikasi:

RESOLUSI BIASA 1

CADANGAN TERBITAN HAK 82,778,643 SAHAM BIASA BARU BERNILAI RM1.00 DALAM SPK (“SAHAM-SAHAM SPK”) (“SAHAM-SAHAM HAK”) BERASASKAN 1 SAHAM HAK BAGI SETIAP 1 SAHAM SPK SEDIA ADA YANG DIPEGANG OLEH PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM SPK (“CADANGAN TERBITAN HAK”) DAN CADANGAN TERBITAN BONUS 82,778,643 SAHAM BARU SPK (“SAHAM-SAHAM BONUS”) YANG AKAN DIKREDITKAN SEBAGAI BERBAYAR PENUH BERASASKAN 1 SAHAM BONUS BAGI SETIAP 1 SAHAM HAK YANG DILANGGAN OLEH PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM SPK SELARAS DENGAN CADANGAN TERBITAN HAK (“CADANGAN TERBITAN BONUS”)

BAHAWA tertakluk kepada kelulusan Resolusi Biasa 2 dan Resolusi Khas dan tertakluk sentiasa kepada Akta Syarikat 1965, kelulusan adalah dan dengan ini diberi kepada para Pengarah Syarikat untuk menguntuk dan menerbit melalui cara terbitan hak (boleh lepas hanya kepada pemegang-pemegang saham sedia ada Syarikat) sehingga 82,778,643 Saham Hak pada harga terbitan bernilai RM1.00 setiap Saham Hak berdasarkan 1 Saham Hak bagi setiap 1 Saham SPK sedia ada yang dipegang oleh pemegang-pemegang saham yang nama-namanya termasuk dalam Daftar Ahli Syarikat (“**Pemegang-pemegang Saham Yang Berhak**”) pada tarikh keberhakan yang akan ditentukan oleh Lembaga pada satu tarikh kelak (“**Tarikh Keberhakan**”), atas terma-terma dan syarat-syarat tertentu sebagaimana Lembaga mungkin tentukan dan sebagaimana diterangkan dalam pekeliling Syarikat kepada pemegang-pemegang saham SPK bertarikh 5 Jun 2013 (“**Pekeliling**”);

BAHAWA tertakluk kepada kelulusan Resolusi Biasa 2 dan Resolusi Khas dan tertakluk sentiasa kepada Akta Syarikat 1965, kelulusan adalah dan dengan ini diberi kepada para Pengarah Syarikat untuk mempermodalkan jumlah sehingga RM82,778,643 daripada perolehan tertahan Syarikat yang berada pada kredit Akaun Untung Rugi Syarikat pada 31 Disember 2012 dan yang sama akan digunakan bagi bayaran sepenuhnya bagi terbitan 82,778,643 Saham Bonus kepada Pemegang-pemegang Saham Yang Berhak dan/atau penerima pelepasan mereka yang melanggan bagi Saham-saham Hak selaras dengan Cadangan Terbitan Hak, berdasarkan 1 Saham Bonus bagi setiap 1 Saham Hak yang dilanggan dan dipegang oleh Pemegang-pemegang Saham Yang Berhak pada Tarikh Keberhakan, atas terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana Lembaga mungkin tentukan dan sebagaimana diterangkan dalam Pekeliling;

DAN BAHAWA para Pengarah Syarikat adalah dan dengan ini diberi kuasa untuk membuat semua tindakan, perbuatan dan perkara serta untuk menyempurna, menandatangan, menyerah dan menyebabkan untuk diserah bagi pihak Syarikat semua dokumen dan/atau perjanjian yang berkenaan (termasuk, tanpa batasan, peletakan meterai rasmi Syarikat, di mana perlu) sebagaimana para Pengarah mungkin anggap perlu, suai manfaat atau berkenaan untuk memberi kuat kuasa kepada dan menyelesaikan Cadangan Terbitan Hak dan Cadangan Terbitan Bonus dan kuasa penuh untuk bersetuju dengan apa-apa syarat, modifikasi, variasi dan/atau pindaan dalam apa-apa cara sebagaimana mungkin diperlukan oleh pihak berkuasa berkenaan atau sebagaimana para Pengarah mungkin anggap perlu atau suai manfaat demi kepentingan Syarikat dan untuk mengambil langkah-langkah sebagaimana mereka mungkin anggap perlu atau suai manfaat untuk melaksana, memuktamad dan memberi kuat kuasa penuh kepada Cadangan Terbitan Hak dan Cadangan Terbitan Bonus.

RESOLUSI BIASA 2

CADANGAN PENAMBAHAN DALAM MODAL SAHAM SPK YANG DIBENARKAN DARIPADA RM100,000,000 TERDIRI DARIPADA 100,000,000 SAHAM SPK KEPADA RM500,000,000 TERDIRI DARIPADA 500,000,000 SAHAM SPK

BAHAWA, modal saham Syarikat yang dibenarkan ditambah daripada RM100,000,000 terdiri daripada 100,000,000 Saham SPK kepada RM500,000,000 terdiri daripada 500,000,000 Saham SPK melalui penjanaan modal saham yang dibenarkan sebanyak 400,000,000 Saham SPK baru dan seterusnya Fasal 5 Memorandum Pertubuhan dikemas kini sewajarnya (“**Cadangan Penambahan dalam Modal Saham yang Dibenarkan**”). Saham-saham baru sedemikian, apabila diterbitkan akan bertaraf *pari passu* daripada semua segi dengan saham-saham biasa dalam modal Syarikat;

DAN BAHAWA para pengarah Syarikat adalah dan dengan ini diberi kuasa untuk membuat semua tindakan, perbuatan dan perkara serta untuk menyempurnakan, menandatangani, menyerahkan dan menyebabkan untuk diserah bagi pihak Syarikat semua dokumen dan/atau perjanjian yang berkenaan (termasuk, tanpa batasan, peletakan meterai rasmi Syarikat, di mana perlu) sebagaimana para Pengarah mungkin anggap perlu, suai manfaat atau berkenaan untuk memberi kuat kuasa kepada dan menyelesaikan Cadangan Penambahan dalam Modal Saham Dibenarkan dan dengan kuasa penuh untuk bersetuju dengan apa-apa syarat, modifikasi, variasi dan/atau pindaan dalam apa-apa cara sebagaimana mungkin diperlukan oleh pihak berkuasa berkenaan atau sebagaimana para Pengarah mungkin anggap perlu atau suai manfaat untuk melaksana, memuktamad dan memberi kuat kuasa penuh kepada Cadangan Penambahan dalam Modal Saham Dibenarkan.

RESOLUSI KHAS

CADANGAN PINDAAN KEPADA TATAURUSAN PERTUBUHAN SYARIKAT SPK (“CADANGAN PINDAAN”)

BAHAWA Artikel 140B(i) Tataurusan Pertubuhan Syarikat sedia ada dipinda seperti berikut:

Artikel yang Sedia ada

Artikel 140B(i) Tataurusan Pertubuhan

Mana-mana mesyuarat agung boleh memutuskan bahawa apa-apa wang, pelaburan, atau aset-aset lain yang membentuk sebahagian daripada keuntungan tidak dibahagikan Syarikat yang berada pada kredit dana rizab, atau mana-mana dana rizab penebusan modal, atau dalam simpanan syarikat dan tersedia untuk dividen atau mewakili premium yang diterima atas terbitan saham dan berada pada kredit akaun premium saham, dipermodalkan dan diagihkan di kalangan pemegang-pemegang saham yang berhak untuk menerimanya sekiranya dilakukan melalui pengagihan dividen dan dalam perkadaran yang sama dengan syarat bahawa mereka menjadi berhak kepadanya sebagai modal dan bahawa semua atau mana-mana bahagian daripada dana dipermodalkan tersebut digunakan bagi pihak pemegang-pemegang saham tersebut dalam membayar sepenuhnya sama ada pada tara atau pada premium tertentu sebagaimana resolusi mungkin peruntukkan, mana-mana saham belum diterbitkan atau debentur atau stok debentur syarikat yang akan diagihkan sewajarnya atau bagi bayaran liabiliti belum dipanggil ke atas mana-mana saham diterbitkan atau debentur atau stok debentur syarikat, dan yang mana pengagihan atau bayaran tersebut akan diterima oleh pemegang-pemegang saham tersebut sebagai penjelasan penuh kepentingan mereka dalam jumlah dipermodalkan tersebut.

Cadangan Pindaan Artikel

Artikel 140B(i) Tataurusan Pertubuhan

Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965 dan mana-mana undang-undang dan peraturan-peraturan terpakai lain, mana-mana mesyuarat agung boleh memutuskan bahawa apa-apa wang, pelaburan, atau aset-aset lain yang membentuk sebahagian daripada keuntungan tidak dibahagikan syarikat atau yang berada pada kredit dana rizab, atau mana-mana dana rizab penebusan modal, atau dalam simpanan syarikat dan tersedia untuk dividen atau mewakili premium yang diterima atas terbitan saham dan berada pada kredit akaun premium saham, dipermodalkan dan diagihkan di kalangan pemegang-pemegang saham yang berhak untuk menerimanya (a) sekiranya dilakukan melalui pengagihan dividen dan dalam perkadaran yang sama dengan syarat bahawa mereka menjadi berhak kepadanya sebagai modal; ATAU (b) selaras dengan perkadaran lain yang tertentu dan/atau asas sebagaimana mungkin ditentukan melalui mana-mana resolusi syarikat (asas keberhakan tersebut yang mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, pemegang-pemegang saham yang telah melanggar bagi saham-saham syarikat selaras dengan terbitan hak boleh lepas oleh syarikat), dan bahawa kesemua atau mana-mana bahagian daripada dana dipermodalkan tersebut digunakan bagi pihak pemegang-pemegang saham tersebut dalam membayar sepenuhnya sama ada pada tara atau pada premium tertentu sebagaimana resolusi mungkin peruntukkan, mana-mana saham yang belum diterbitkan atau debentur atau stok debentur syarikat yang akan diagih dengan sewajarnya dan/atau bagi membayar liabiliti belum dipanggil ke atas mana-mana saham diterbitkan atau debentur atau stok debentur, dan para pengarah hendaklah memberi kuat kuasa kepada resolusi tersebut.

DAN BAHAWA para Pengarah Syarikat adalah dan dengan ini diberi kuasa untuk membuat tindakan, perbuatan dan perkara serta untuk menyempurna, menandatangani, menyerah dan menyebabkan untuk diserahkan bagi pihak Syarikat semua dokumen tertentu dan/atau perjanjian (termasuk tanpa batasan, peletakan meterai rasmi Syarikat, di mana perlu) sebagaimana para Pengarah mungkin anggap perlu, suai manfaat atau berkenaan untuk memberi kuat kuasa kepada dan menyelesaikan Cadangan Pindaan serta dengan kuasa penuh untuk bersetuju dengan mana-mana syarat, modifikasi, variasi dan/atau pindaan dalam apa-apa cara sebagaimana mungkin diperlukan oleh pihak berkuasa berkenaan atau sebagaimana para Pengarah mungkin perlu atau suai manfaat demi untuk kepentingan Syarikat dan untuk mengambil langkah tertentu sebagaimana mereka mungkin anggap perlu atau suai manfaat untuk melaksana, memuktamad dan memberi kuat kuasa sepenuhnya kepada Cadangan Pindaan.

Atas Perintah Lembaga
Fateh Hanum Bte Khairuddin (LS 0009093)
Setiausaha Syarikat
Kuala Lumpur
5 Jun 2013

Nota-nota:

- (1) Seseorang ahli Syarikat yang berhak untuk menghadiri dan mengundi pada mesyuarat ini boleh melantik seorang proksi yang semestinya ahli Syarikat, kecuali di mana ahli adalah sebuah perbadanan; proksi yang dilantik oleh perbadanan tidak semestinya merupakan ahli Syarikat.
- (2) Surat cara pelantikan proksi hendaklah secara bertulis dengan ditandatangani oleh pelantik atau wakil beliau yang diberi kuasa sewajarnya secara bertulis atau, sekiranya pelantik tersebut adalah sebuah perbadanan, di bawah meterai rasminya atau ditandatangani oleh wakilnya.
- (3) Surat cara melantik proksi mestilah diserahkan di pejabat berdaftar Syarikat di Tingkat 12, Menara Perak, No.24, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur, sekurang-kurangnya 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat atau mesyuarat ditangguh.

**SHARIKAT PERMODALAN KEBANGSAAN BERHAD**

(No. Syarikat 4115-H)

(Diperbadankan di Malaysia di bawah Ordinan Syarikat 1940 - 1946)

Bil. Saham Dipegang

Borang Proksi

Saya/Kami*.....No.KP/No.Syarikat*.....
....beralamat.....

..... merupakan ahli/ahli-ahli*
Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad dengan ini melantik
.....atau dalam ketiadaan beliau, Pengurus mesyuarat
sebagai proksi saya/kami* untuk mengundi bagi saya/kami* dan bagi pihak saya/kami* dalam
Mesyuarat Agung Luar Biasa ("EGM") Syarikat yang akan diadakan di Royal Selangor Golf
Club, Jalan Kelab Golf, Off Jalan Tun Razak, 55000 Kuala Lumpur pada hari Khamis, 27 Jun
2013 pada jam 11.15 pagi atau sebaik sahaja selepas penutupan atau penangguhan
(mengikut keadaan) Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat ke-52 (yang akan diadakan di
tempat yang sama dan pada hari yang sama pada jam 10.30 pagi mana yang terkemudian).

Proksi saya/kami* akan mengundi sebagaimana dinyatakan di bawah:-

BIL.	RESOLUSI	MENYOKONG	MENENTANG
1.	Resolusi Biasa 1 - Cadangan Terbitan Hak dan Terbitan Bonus		
2.	Resolusi Biasa 2 - Cadangan Penambahan dalam Modal Saham Dibenarkan		
3.	Resolusi Khas - Cadangan Pindaan		

(Sila tanda dengan "X" dalam ruang yang disediakan mengenai bagaimana anda ingin
membuang undi anda)

* Potong mana yang tidak berkenaan

Tarikh:

..... Tanda Tangan / Meterai

Nota-nota:

- (1) Seseorang ahli Syarikat yang berhak untuk menghadiri dan mengundi pada mesyuarat ini boleh melantik seorang proksi yang semestinya ahli Syarikat, kecuali di mana ahli adalah sebuah perbadanan; proksi yang dilantik oleh perbadanan tidak semestinya merupakan ahli Syarikat.
- (2) Surat cara pelantikan proksi hendaklah secara bertulis dengan ditandatangani oleh pelantik atau wakil beliau yang diberi kuasa sewajarnya secara bertulis atau, sekiranya pelantik tersebut adalah sebuah perbadanan, di bawah meterai rasminya atau ditandatangani oleh wakilnya.
- (3) Surat cara melantik proksi mestilah diserahkan di pejabat berdaftar Syarikat di Tingkat 12, Menara Perak, No.24, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur, sekurang-kurangnya 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat atau mesyuarat ditangguh.



Lipat bahagian ini untuk membentuk penutup sampul

Kemudian lipat di sini

LEKATKAN
SETEM

SHARIKAT PERMODALAN KEBANGSAAN BERHAD
(4115-H)

SETIAUSAHA SYARIKAT
TINGKAT 12, MENARA PERAK
NO.24, JALAN PERAK
50450 KUALA LUMPUR

Mula-mula lipat di sini